

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Rabu, 29hb. Mei, 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

POLIS TRAFIK/PERONDA JALAN RAYA - BILANGAN ANGGOTA

1. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah anggota polis trafik dan polis peronda jalan raya yang ada di Wilayah Persekutuan dan tiap-tiap negeri utama di Malaysia dan adakah beliau berpuas hati dengan bilangan anggota polis trafik dan polis peronda ini; dan
- (b) mengapa tidak adakan pengawasan rapi oleh pihak polis trafik dan polis peronda sepanjang jalan raya Utara-Selatan dan jalan Pantai Timur untuk mengurangkan berlakunya kemalangan jalan raya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee

Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Bilangan anggota polis trafik dan polis peronda jalan raya yang ada di Wilayah Persekutuan dan bandar-bandar utama adalah seperti berikut:

Negeri	Bilangan Anggota
Perlis	72
Kedah	382
Pulau Pinang	345
Perak	455
Selangor	565
Kuala Lumpur	838
Negeri Sembilan	247
Melaka	138
Johor	330
Pahang	333
Terengganu	193
Kelantan	236
Wilayah Labuan	13
Sabah	237
Sarawak	397
Jumlah keseluruhan	4,781

Daripada jumlah keseluruhan anggota polis trafik yang ada iaitu 4,781 orang, hanya 1,052 anggota iaitu 22% sahaja yang ditugaskan untuk menjalankan pengawasan di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan dan jalan-jalan raya yang lain. Dengan demikian, maka bilangan anggota polis trafik yang ada tidak mencukupi untuk menjalankan pengawasan selama 24 jam di seluruh jalan raya di Malaysia termasuk di Lebuhraya Utara-Selatan. Walau bagaimanapun, Kementerian Pengangkutan telah meminta melalui Kementerian Dalam Negeri supaya lebih ramai anggota polis trafik dapat diagih untuk menjalankan kerja-kerja penguatkuasaan.

- (b) Pihak polis memang sentiasa mengadakan pengawasan rapi di Lebuhraya Utara-Selatan dan jalan Pantai Timur khususnya di kawasan-kawasan tertentu seperti kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan merbahaya. Bagaimanapun, adalah sukar untuk diadakan pengawasan di sepanjang lebuh raya dan jalan-jalan raya tersebut disebabkan bilangan anggota yang terhad.

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa sungguh berkurangan polis-polis trafik, pada hari Jumaat yang lepas saya bercakap kepada polis trafik yang menjaga trafik di luar masjid, saya kata, 'tak sembahyang?' Dia kata, 'tak dapatlah, encik'.....

Tuan Yang di-Pertua: Masjid mana tu?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Masjid Bangsar, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya kata, 'kalau tiga kali siapa nak menanggung dosa ini?' Jadi, Tuan Yang di-Pertua, siapa yang hendak menanggung dosa polis-polis trafik yang tak dapat sembahyang bersama ini?

Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak polis ini kadang-kadang dia menyamar sebagai polis trafik, dia ikut punggung kereta, kemudian apabila kereta itu laju, dia pintas, dia tunggu di depan dan dia tahan dengan tidak dapat kita mengenali authority card dia. Saya takut nanti terlanggar pula kepada polis-polis yang seperti ini, lagi pun merbahaya, takut orang menyamun,

dia tahan, kita berhenti, teruklah sikit. Jadi, macam mana jawapannya kalau adalah yang semacam itu? Kalau tak ada, tak apalah.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan yang pertama tadi tentang siapa yang tanggung dosa itu, itu bukan soalankah?

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Tidak, itu pandangan saya juga.....

Tuan Yang di-Pertua: Pandangan sahaja!

Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin: Jadi, kalau pihak kerajaan boleh menjawab, saya rasa Datuk Ahmad Abdullah tak ada di sini, kalau dia boleh jawab, Tuan Yang di-Pertua, jawablah juga.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, soalan bahagian kedua sahajalah ya?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak sentuh soalan bahagian pertama, saya percaya 'Rasullullah subhanahuwa ta'ala' akan beri chance kalau betul-betul menjalankan kerja penguatkuasaan.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan yang kedua, sepanjang pengetahuan.....

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya minta laluan. Bila Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sebut ayat macam itu dalam bab agama, tak patut ditimbulkan. Minta tarik balik.

Tuan Chor Chee Heung: Ya, betul, betul. Saya tarik balik, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Bagi soalan bahagian kedua, Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pengetahuan Kementerian Pengangkutan semua anggota polis peronda ataupun polis trafik telah menjalankan kerja-kerja mereka dengan mengikut peraturan dan selama ini kita tidak terima sebarang aduan mengenai apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Tetapi saya percaya pihak polis juga akan berjaga-jaga ketika mereka menjalankan tugas mereka. Jika terdapat sebarang aduan, haraplah dapat kemukakan kepada kita.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam menentukan supaya pemandu-pemandu kereta dan motor mengikut peraturan, polis selalu mengadakan 'road block' ataupun sekatan jalan raya. Jika road block ini diadakan pada waktu malam, saya dapati bahawa lampu di tempat road block itu begitu tidak terang. Jadi, adakah pihak Kementerian Pengangkutan sedar perkara ini dan apakah tindakan kementerian supaya tidak berlaku kemalangan kepada anggota polis semasa mengadakan sekatan jalan raya di waktu malam?

Satu lagi soalan.....

Tuan Yang di-Pertua: Puan Mastika, satu cukup ya!

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Berhubung dengan sekatan malam juga, dia menggunakan torchlight, hanya kata orang 'waive torchlight' kepada penunggang-penunggang motor dan juga pembawa-pembawa kereta.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, di tempat-tempat tertentu yang mana roadblock diadakan, maka lampu akan disediakan dekat roadblock supaya pembawa-pembawa motosikal atau pemandu-pemandu kereta dapat melihat dengan betul dan jika terdapat roadblock yang mana lampu tidak begitu cerah, memang kemungkinan akan mengakibatkan kemalangan. Tetapi sepanjang ini saya tidak pernah dengar kata ada kemalangan yang

berlaku di mana polis mengadakan roadblock. Maksud kata, dalam keadaan ini, pemandu-pemandu kereta dapat melihat jugalah hanya kemungkinan kadangkala tidak mencukupi cerah.

ELEKTRIK DI SABAH - MEMBAIKI SISTEM PENGHANTARAN

2. Datuk Maidom P. Pansai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bahawa selama ini apakah tindakan yang telah, sedang dan akan diambilnya untuk memperbaiki keadaan bekalan tenaga elektrik yang kerap kali terputus (blackout) dan memberikan bekalan tenaga elektrik luar bandar terutama sekali di kawasan kampung-kampung terpencil di Sabah seperti di daerah Kota Belud.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong

Choy]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lembaga Letrik Sabah sedang mengambil beberapa langkah bagi membaiki kualiti bekalan elektrik bagi negeri Sabah. Langkah-langkah tersebut termasuklah menambah keupayaan penjanaan, membaiki sistem penghantaran. Bagi meningkatkan keupayaan penjanaan, beberapa pengeluaran kuasa bebas (IPP) telah dilesenkan untuk menambahkan jana kuasa elektrik di Sabah seperti berikut:

- (i) ARL dengan keupayaan 50 megawatt di Melawa, Kota Kinabalu;
- (ii) powertrone dengan keupayaan 120 megawatt di Melawa;
- (iii) Stesen Janakuasa Barge-mounted dengan keupayaan 2 x 20 megawatt di Telok Sepangar;

- (iv) Serudong Power dengan keupayaan 36 megawatt di Tawau;
dan
- (v) Serve Vest dengan keupayaan 60 megawatt di Sandakan.

Pembinaan stesen penjanaan di atas akan dapat meningkatkan penjanaan kuasa elektrik di West Coast Grid (Talian Penghantaran Pantai Barat). Kerajaan juga telah membina stesen penghantaran East Coast Grid. Ia bertujuan menghubungkan pusat-pusat penjanaan di Pantai Timur supaya lebih integrated. Lembaga Letrik Sabah juga sedang mengambil tindakan menaikkan taraf beberapa stesen penjanaan bagi meningkatkan kecekapan penjanaan elektrik di beberapa stesen janakuasa LLS di Kota Kinabalu, Sandakan dan stesen-stesen kecil yang lain.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kawasan Kota Belud, kuasa elektrik di kawasan tersebut adalah dibekalkan dari stesyen janakuasa Kota Belud, Stesen minihidro Sayap dan Stesen minihidro Melangkap yang disambung melalui rangkaian mini grid 22kv. Bekalan elektrik adalah diagihkan melalui 3 buah penyuar 22kv dan 2 buah penyuar 11kv. Dari segi penjanaan, bekalan elektrik bagi kawasan Kota Belud adalah memang mencukupi bagi memenuhi permintaan elektrik di kawasan itu.

Bagi bekalan elektrik di kawasan luar bandar pula, sukacita dimaklumkan bahawa projek-projek tersebut tertakluk kepada peruntukan program bekalan elektrik di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Lembaga Letrik Sabah adalah agensi pelaksana sahaja. Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sebanyak RM126 juta telah diperuntukan dan sebanyak RM121.8 juta telah dibelanjakan untuk pelaksanaan bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, sebanyak RM150 juta telah diperuntukkan bagi tujuan yang sama.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cuba ringkas sedikit jawapan itu, panjang sangat.

Dato' Chan Kong Choy: Terima kasih.

Tuan Ng See Tiong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memang jelas dan kita sudah faham bahawa tindakan dan langkah-langkah yang akan dan telah diambil oleh pihak kementerian terhadap keadaan bekalan elektrik terputus. Yang saya tidak faham ialah apa sebabnya bekalan elektrik terputus, terutama sekali di luar bandar?

Tuan Yang di-Pertua: Ada kaitan atau tidak soalan itu?

Dato' Chan Kong Choy: Boleh, boleh. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, bekalan elektrik khususnya di kawasan luar bandar, lazimnya di salurkan melalui sistem penyaluran talian atas, ataupun dikenali sebagai overhead transmission lines dan di dalam keadaan di mana talian-talian ini terdedah kepada cuaca dan keadaan persekitaran, maka

kebanyakan gangguan bekalan (blackout) yang berlaku, khususnya di kawasan luar bandar adalah disebabkan oleh beberapa faktor:

- (i) pokok tumbang ataupun dahan patah yang terkena di atas talian;
- (ii) cuaca buruk - kadangkalanya talian yang disebutkan tadi - panah petir;
- (iii) lazimnya ada binatang-binatang yang selalu menggunakan talian yang saya sebutkan tadi sebagai laluan perjalanan. Binatang yang saya sebutkan termasuk musang, monyet, tupai dan kadang-kadang ular juga;
- (iv) sebab yang lain ialah beban-lampau, dengan izin, overloading.

Datuk Maidom P. Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bekalan elektrik merupakan salah satu keperluan asas yang menjadi idaman murni setiap lapisan rakyat sebagai nikmat kemerdekaan, adakah kerajaan mempunyai jangka masa atau timeframe, dengan izin, bilamana seluruh negara ini, termasuklah juga di Sabah, dapat dibekalkan dengan bekalan tenaga elektrik?

Tuan Yang di-Pertua: Bekalan elektrik memang sudah ada. Tambahan?

Datuk Maidom P. Pansai: Untuk tempat-tempat yang masih belum ada. Jadi, saya ingin bertanya adakah kerajaan mempunyai jangka masa, bila

mana seluruh pelusuk di negara ini dapat dibekalkan dengan bekalan tenaga elektrik?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah jelas.

Dato' Chan Kong Choy: Tuan Yang di-Pertua, ini memang merupakan harapan pihak kerajaan, khususnya kerajaan Barisan Nasional sebagai sebuah kerajaan yang prihatin. Bagi Semenanjung Malaysia, kita harap dalam tempoh 2 hingga 3 tahun, 100% penduduk di Semenanjung dapat menikmati bekalan elektrik, tetapi di Sabah dan Sarawak oleh kerana taburan penduduk yang tidak 'concentrated', maka perkara ini akan mengambil masa yang lebih panjang. Saya tidak dapat beritahu sekarang bilakah kita boleh membekalkan elektrik kepada semua penduduk di Sabah dan Sarawak tetapi memang ada rancangan jangka panjang oleh kerajaan dan saya akan beritahu kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Haji Hashim Safin.

ROMPAK/ROGOL - JUMLAH KES

3. Dato' Haji Mohd. Zuki bin Kamaluddin [di bawah S.O. 23(2)] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapakah jumlah kes rompak/rogol yang berlaku dalam tempoh 5 tahun sejak tahun 1990. Nyatakan mengikut tahun. Berapakah kes yang sudah dibicarakan. Apakah hukumannya dan siapakah yang melakukan kes ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sejumlah 39 kes rompak dan rogol telah dilaporkan di antara tahun 1990 hingga 1994. 6 daripada 39 kes ini telah dibicarakan dan dikenakan hukuman penjara serta sebatan mengikut merit kesalahan. Baki 33 kes lagi

masih dalam siasatan Polis dan kebanyakan kes rompak dan rogol ini dilakukan oleh pendatang tanpa izin.

Tuan Mustaffa Kamal bin Mohd. Nawi: Dalam jumlah rompakan dan rogol, berapakah anggota polis terlibat? Minta penjelasan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada polis yang terlibat dalam 39 kes ini.

Tuan Yim Chee Chong: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Yim, hendak tahu tentang kes yang mana?

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Yim Chee Chong: Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan perompak. Biasanya, kita baca paper, ramai perompak ditembak oleh pihak polis dan sesudah itu ramai ibu bapa kompelin mengadu pihak polis menembak mati anaknya, mengatakan anaknya baik dan seterusnya. Jadi, soalan saya pada petang ini adalah, boleh atau tidak pihak polis menangkap hidup-hidup, jangan tembak mati, kecuali nyawa polis diancam tanpa perikemanusiaan?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang itulah arahan daripada kerajaan bahawa polis kena menangkap secara hidup kecuali kalau keselamatan polis sendiri sudah terjejas, maka dalam keadaan yang tidak boleh dielakkan baru mereka boleh menembak.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Ha, ini popular.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, baru semalam kita baca dalam akhbar bahawa perompak telah menggunakan senjata yang datang daripada negeri China, adakah kerajaan sedar perkara ini dan dapatkah kerajaan mengesan bagaimana senjata-senjata ini dapat diseludup kepada tangan perompak-perompak?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, memang kerajaan sedar tentang penyeludupan senjata api, bukan sahaja pistol ataupun kadang-kadang M16 daripada negeri China dan ada juga daripada negara-negara yang lain dan kerajaan memang memandang serius tentang perkara ini. Kebanyakan penyeludupan itu datangnya melalui sempadan darat dan kalau di Sabah memang ada daripada laut dan ini sebenarnya, baru-baru ini polis sedang mempertingkatkan lagi penguatkuasaan dari segi penyeludupan senjata api.

USAHAWAN BUMIPUTERA - TANGGAPAN KEJAYAAN

4. **Puan Hajah Habshah binti Haji Osman** minta Menteri Pembangunan Usahawan menyatakan:-

- (a) kenapakah terdapatnya pandangan bahawa kejayaan usahawan bumiputera yang benar-benar berjaya adalah kerana kewujudan hubungan politik atau kekeluargaan serta ketidakmampuan sebilangan bumiputera bersaing dengan golongan korporat yang menggunakan pengaruh wang; dan
- (b) mengapakah hanya satu golongan atau kumpulan billionaire dan mengapa projek-projek berbilion-bilion di bawah kuasa kerajaan tidak memanfaatkan lebih ramai

golongan bumiputera mencapai taraf millionaire untuk mencapai objektif Dasar Ekonomi Baru kerajaan.

Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan [Tuan Idris bin Jusoh]:

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar tanggapan bahawa usahawan bumiputera yang berjaya adalah kerana kaitan dengan hubungan politik, kekeluargaan dan pengaruh wang. Kita tidak sepatutnya memperkecilkan kebolehan bumiputera. Kejayaan yang dicapai ini adalah hasil daripada daya dan usaha dan inisiatif sendiri usahawan-usahawan bumiputera yang mengambil risiko untuk berkecimpung di dalam pelbagai bidang perniagaan dengan bantuan dan dorongan daripada kerajaan. Sebagai contoh, kita dapat melihat usahawan-usahawan bumiputera yang berdaya maju, berdaya tahan dan berdaya saing yang telah berjaya dengan titik peluh mereka sendiri di bidang-bidang masing-masing termasuklah dalam sektor perbankan, pengangkutan, penerbangan, telekomunikasi, pembuatan dan hartanah.

Di samping itu, kebanyakan daripada mereka yang berjaya adalah highly qualified, dengan izin, contohnya ada di antara mereka adalah Chartered Accountant, jurutera-jurutera di bidang masing-masing dan ahli-ahli ekonomi yang berjaya. Di samping itu, mereka juga mempunyai pengalaman yang mendalam di dalam bidang-bidang masing-masing.

Kerajaan sedar bahawa golongan bumiputera yang berkecimpung di dalam pelbagai bidang perniagaan adalah kecil dan untuk menambahkan bilangan usahawan bumiputera, beberapa langkah telah dan akan diambil

seperti menggunakan kaedah penswastaaan yang mana usahawan bumiputera diberi peluang turut sama dalam projek-projek penswastaaan. Ini termasuklah melalui kaedah dengan izin, Management By-Out bagi syarikat-syarikat kerajaan yang diswastakan.

Di dalam sebuah negara adalah mustahil untuk melahirkan bilangan billionaire ataupun millionaire dalam masa yang singkat. Walau bagaimanapun, dalam ekonomi negara yang pesat berkembang, peluang untuk berjaya adalah terbuka luas kepada mereka yang sanggup bekerja keras dan merebut peluang-peluang yang ada.

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian sedar bahawa usahawan-usahawan bumiputera yang sekarang ini menguasai banyak syarikat swasta adalah terdiri daripada golongan tertentu yang memonopoli banyak syarikat yang berdaya maju, tidakkah ini bercanggah dengan dasar hendak meramaikan bilangan bumiputera mencapai matlamat Wawasan 2020?

Tuan Idris bin Jusoh: Memang tidak menjadi hasrat bagi pihak kerajaan memastikan adanya monopoli bagi pihak-pihak tertentu. Kerajaan akan sentiasa memastikan yang semua bidang-bidang itu diberi sama rata dan dengan izin, well distributed.

NITROFURAN UNTUK TERNAKAN - KAWALAN

5. **Tuan Kan Kok Kwan** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada terdapat laporan bahawa ramai di kalangan penternak ternakan kecil-kecilan

menggunakan sejenis antibiotik yang boleh mengakibatkan barah di mana ia merosakkan sistem saraf utama manusia. Jika benar, adakah beliau akan mengharamkan penggunaan Nitrofuram yang bertoksik tinggi atau sekurang-kurangnya menghadkan penggunaan dadah beracun ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M.

Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, penggunaan Nitrofuram oleh penternak ayam adalah isu membimbangkan kepada kesihatan awam. Ini adalah kerana Nitrofuram telah dilaporkan boleh menyebabkan kanser. Di Malaysia Nitrofuram telah digunakan secara meluas kerana menurut Jabatan Perkhidmatan Haiwan ia amat berkesan untuk mengawal penyakit ayam yang mudah merebak.

Di samping itu, kos penggunaannya adalah paling murah. Mengikut garis panduan Jabatan Perkhidmatan Haiwan paras Nitrofuram yang ditetapkan dalam makanan ayam hanya 100 bahagian sejuta dan pemberian Nitrofuram perlu ditarik balik lima hari sebelum ayam disembelih supaya tiada residue tertinggal dalam daging.

Masalah yang dihadapi dalam mengawal kegunaan Nitrofuram di pusat ternakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH) adalah kerana pengawalan kegunaan makanan binatang (animal feed) sukar dilakukan kerana bilangan pusat ternakan yang besar dan pelbagai jenis campuran dibuat.

JPH tidak mempunyai bidang kuasa dalam kawalan pengedaran dan penjualan bahan tersebut. Di samping itu, 50% penternak persendirian, penternak ternakan kecil-kecilan tidak mematuhi amalan ternakan yang baik

atau “Good Agricultural Practices” (GAP). Permintaan yang tidak menentu yang mana bergantung kepada permintaan pasaran menyebabkan “withdrawal period”, dengan izin, tidak dipatuhi oleh penternak. Akibatnya ayam yang dijual kadangkala tidak diberi masa yang cukup untuk membuang residue ubat yang telah dimakan.

Bagi mengenal pasti masalah penyalahgunaan bahan ini, satu kajian pengawasan Nitrofurantoin telah dijalankan di seluruh negara di mana sebanyak 142 sampel ayam di pasaran telah diambil. Sampel-sampel tersebut telah dianalisa di makmal-makmal Kawalan Mutu Makanan dan Institut Penyelidikan Perubatan Malaysia. Analisa telah dijalankan ke atas residue Nitrofurantoin dalam tisu otot dan hati bagi setiap sampel ayam dan didapati 51% (73) sampel ayam mengandungi Nitrofurantoin.

Ini menunjukkan para penternak ayam tidak mengikut tempoh penarikan Nitrofurantoin dalam makanan ayam kerana residue Nitrofurantoin masih dapat dikesan pada 51% sampel ayam. Kajian ini mengesahkan yang Nitrofurantoin telah digunakan secara meluas dan residue Nitrofurantoin adalah tinggi. Paras yang dikesan ini juga menunjukkan berkemungkinan berlaku penyalahgunaan Nitrofurantoin di mana ia digunakan tidak mengikut panduan yang disediakan.

Kementerian Kesihatan sedang bekerja rapi dengan Jabatan Perkhidmatan Haiwan untuk mengurangkan penggunaan Nitrofurantoin. Selama ini bahan ini disenaraikan sebagai ubat dalam “Poisons List” untuk kegunaan manusia sahaja. Tetapi ianya dikecualikan untuk kegunaan veterinar. Sebagai langkah serta-merta Nitrofurantoin yang digunakan dalam makanan ayam akan dimasukkan dalam “Poison List” supaya pengawalan pengedaran dan kegunaan dapat dilakukan oleh Kementerian Kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato', panjang sangat jawapan itu, tolong ringkaskan.

Dato' M. Mahalingam: Sedikit lagi. Bahan ini akan dipertimbangkan untuk diharamkan sebaik sahaja bahan antibiotik gantian yang sesuai dikenal pasti. Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan memajukan dan menguatkuasakan amalan ternakan baik atau "Good Agricultural Practices". Di samping itu, Kementerian Kesihatan akan meneruskan pengawasan dan pemeriksaan sampel daging ayam.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Setiausaha Parlimen tadi, jelaslah kelihatan bahawa masalah ayam ini terlalu rumitlah. *[Ketawa]* Apakah kementerian bercadang untuk immediate atau dengan serta merta sekarang ini menasihati orang ramai supaya jangan makan ayam? *[Ketawa]*

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, ayam bukan menjadi masalah.....

Tuan Yang di-Pertua: Makan menjadi masalah.

Dato' M. Mahalingam: Makan pun bukan menjadi masalah, tetapi penggunaan antibiotik itu. Tuan Yang di-Pertua, walaupun jawapan panjang tetapi saya memberi satu keterangan di atas perkara ini. Daging ayam adalah sumber protin utama di negara ini di mana dianggarkan 59% dari keseluruhan daging yang dimakan adalah dari ayam. Dianggarkan industri ayam.....

Tuan Yang di-Pertua: Dato', soalnya tadi sedikit sahaja. Adakah cadangan kementerian untuk melarang orang ramai.....

Dato' M. Mahalingam: Ada beberapa cadangan, saya akan beritahu itu, satu yang.....

Tuan Yang di-Pertua: Ya, jadi kalau lebih daripada itu bukan jawapan lagi, nantikan sudah menjadi satu ucapan pula. Saya ingat kita tunggu soalan tambahan....

Dato' M. Mahalingam: Ada dua cadangan, satu jangka pendek dan satu jangka panjang.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, kita tunggu soalan tambahan, kalau ada tambahan nanti, Dato' boleh jawab sebab pertanyaannya sedikit sahaja.

Dato' M. Mahalingam: Ada beberapa tindakan mengambil masa untuk disebutkan, itulah yang menjadi masalah..

Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Kalau Tuan Yang di-Pertua minta orang yang bertanya soalan itu supaya ringkas, orang yang menjawab pun hendaklah seboleh-bolehnya ringkas jugalah, tidak membuang masa. *[Ketawa]*

Dato' M. Mahalingam: Saya boleh jawab, beberapa tindakan kementerian telah ambil. Cukup, itu pun sudah cukup.

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Soalan saya sama ada kementerian sekarang ini bercadang untuk menasihati orang ramai tidak makan ayam. Itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Itu sahaja?

Tuan Abdul Rashid bin Haji Ismail: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, ada soalan tambahan lagi?

Puan Kamalia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah apakah cadangan-cadangan kementerian tadi untuk kita dapat memastikan bahawa kita tidak akan mendapat penyakit akibat daripada antibiotik yang digunakan dalam makanan ayam ini?

Tuan Yang di-Pertua: Cadangan ya.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, sebagai usaha jangka pendek, Jabatan Perkhidmatan Haiwan akan terus meningkatkan lagi usaha mereka dalam mendidik dan menasihati penternak supaya menggunakan bahan kimia yang selamat dan mematuhi amalan peraturan yang baik. Penternak boleh diarahkan supaya menggunakan vidroveltics, itu usaha jangka pendek. Jangka panjang akan mengharamkan nitrofurans.

LEBUHRAYA UTARA-SELATAN - PEMBINAAN

6. **Tuan Haji Abu Bakar bin Haji Ismail** minta Menteri Kerja Raya menyatakan mengapakah dalam perancangan pembinaan Lebuhraya Utara Selatan di peringkat awal tidak melalui negeri Perlis ke Padang Besar di samping melalui Jitra ke Bukit Kayu Hitam.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Datuk Railey bin Haji Jaffrey]:

Tuan Yang di-Pertua, perancangan jajaran bagi Lebuhraya Utara-Selatan dibuat melalui Bukit Kayu Hitam, negeri Kedah dan tidak melalui Padang Besar di Perlis kerana sebab-sebab berikut:-

- (a) kerana jalan raya utama sedia ada atau main trunk road, dengan izin, iaitu Jalanraya Laluan Persekutuan 1 (Federal Route 1) adalah bermula dari Bukit Kayu Hitam, Kedah hingga ke Johor Bahru;
- (b) Lebuhraya Utara-Selatan yang dibina bermula dari Bukit Kayu Hitam, negeri Kedah adalah menjadi penghubung atau penyambung kepada rangkaian lebuhraya di sempadan Malaysia/Thai yang merupakan sebahagian dari sistem rangkaian Lebuhraya Asia (Asian Highway Network).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sekarang ini ada rangkaian jalan yang menghubungkan Lebuhraya Utara-Selatan iaitu dari Bandar Changloon di Kedah ke negeri Perlis. Kerajaan juga akan membina jalan baru Changloon-Sintok di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh. Bahagian jalan ini akan dihubungkan ke negeri Perlis.

**PERSIDANGAN WANITA SEDUNIA (CEDAW) -
KAJIAN SEMULA RESOLUSI**

7. **Dr. Ng Yen Yen** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan pada Persidangan Wanita Sedunia yang ke-4 yang diadakan di Beijing pada September 1995, kerajaan Malaysia telah bersetuju

untuk memperbaiki CEDAW dengan cadangan-cadangan yang tertentu. Sejak persidangan, tindakan apa yang telah diambil oleh kerajaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G.Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di Persidangan Wanita Sedunia Keempat di Beijing, Malaysia telah membuat kenyataan untuk mengkaji semula resolution yang dibuat ke atas beberapa artikel di dalam konvensyen penghapusan segala bentuk diskriminasi terhadap wanita (CEDAW). Untuk tujuan tersebut, kementerian ini sedang mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak tertentu seperti Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri (BAHEIS), Kementerian Luar Negeri dan Jabatan Peguam Negara. Perbincangan ini bertujuan untuk mengkaji dengan lebih mendalam resolution tersebut dan untuk memperakukan sama ada resolution berkenaan boleh ditarik balik ataupun perlu dibuat resolution yang khusus ke atas artikel-artikel tertentu. Terima kasih.

Dr. Ng Yen Yen: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Adakah satu time limit diberikan kepada semua penasihat ini untuk menentukan/menukarkan apa-apa resolution yang ada di CEDAW? Satu time frame atau time limit. Terima kasih.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada satu time frame untuk menentukan membuat keputusan di dalam perkara ini tetapi kita akan mencepatkan proses ini.

Tuan Yim Chee Chong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah Persidangan Wanita Sedunia akan dilangsungkan di Kuala Lumpur? *[Ketawa]* Sekian, terima kasih.

Tuan G. Palanivel: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini saya tidak mempunyai jawapan bagi soalan ini dan soalan ini terkeluar dari soalan asal.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak berapa terkeluar tetapi saya rasa tidak ada idea lagi hendak diadakan di Kuala Lumpur.

ORANG-ORANG KEMBOJA - TARAF PERMASTAUTIN

8. **Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah taraf permastautin orang-orang Kemboja yang berada di Malaysia dan adakah kerajaan bercadang untuk membenarkan mereka terus tinggal di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, rakyat Kemboja seperti juga dengan rakyat negara-negara lain, boleh masuk ke negara ini dengan menggunakan dokumen perjalanan dan pas lawatan yang sah. Mereka ini boleh tinggal untuk tempoh yang dibenarkan mengikut jenis pas tersebut.

Pemberian taraf permastautinan tetap adalah berasaskan kepada syarat-syarat bahawa mereka boleh menyesuaikan diri dengan negara ini, mempunyai ikatan kekeluargaan yang erat di samping kehadiran memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara kita.

Tuan Haji Kasim bin Mh. Yusop: Tuan Yang di-Pertua, hari ini kita dapat tahu bahawa ramai orang Kemboja ini mempunyai kemampuan untuk

mengadakan perkampungan mereka sendiri, membina rumah-rumah kekal di perkampungan itu dan ramai di antara mereka ini berumah tangga di negara ini di kalangan mereka sendiri, iaitu satu masyarakat yang tertutuplah, close society. Jadi, saya ingin tahu adakah mereka ini dibenarkan memiliki harta di negara kita ini dan kalau tidak, bagaimanakah mereka itu dapat membina satu perkampungan dan membina rumah-rumah di negara kita ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, orang asing memang tertakluk kepada syarat-syarat dan undang-undang negara kita iaitu mereka tidak boleh memiliki harta dengan begitu senang dan mudah kecuali di negara kita dalam beberapa tahun ini ada satu gejala, ramai pendatang tanpa izin ataupun pendatang yang masuk dan buat sesuatu tidak mengikut undang-undang negara kita. Ini memang dalam perhatian kerajaan dan apabila kita bertindak, kita juga mengambil kira secara berhati-hati di samping peri kemanusiaan kita juga tidak akan mengkompromikan keselamatan kita.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan mengambil sebarang cukai pendapatan atau lain-lain bayaran kepada orang-orang Kemboja yang sudah ramai kaya raya di negara kita ini?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya seseorang asing itu sudah mempunyai pendapatan secara sah mengikut undang-undang, sistem percukaian kita memang dikenakan pada semua orang, walau apa cara

pun mereka memperolehi pendapatan, kecuali kalau cara mereka itu tidak sah, itu adalah satu isu yang berlainan.

KLINIK DAN FARMASI - CADANGAN PENGASINGAN

9. Puan Kamilia binti Ibrahim minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan kementerian beliau memastikan pesakit-pesakit tidak ditipu dari segi harga dan kualiti ubat semasa membeli ubat dari farmasi-farmasi atau kedai-kedai ubat. Adakah kerajaan bercadang untuk mengasingkan klinik dan farmasi supaya keuntungan yang diambil ke atas harga ubat dapat dikawal dengan lebih rapi.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan Malaysia akan bertindak sekiranya terdapat aduan mengenai pesakit yang ditipu oleh mana-mana farmasi atau kedai-kedai ubat dari segi harga atau kualiti ubat yang dibeli.

Untuk terus menentukan harga ubat lebih 'transparent' kepada orang awam, Kementerian Kesihatan sedang dalam proses memformulasikan 'senarai ubat penting kebangsaan (national essential drug list)', dengan izin untuk kegunaan kedua-dua sektor awam dan sektor swasta. Telah dicadangkan agar senarai ini, yang mengandungi range harga bagi setiap ubat yang disenaraikan, akan dipamerkan di klinik-klinik dan farmasi-farmasi untuk rujukan orang awam.

Pesakit-pesakit yang tidak berpuas hati boleh minta bil lengkap yang menyenaraikan setiap kos perkhidmatan yang dikenakan termasuk kos rawatan kos ubat-ubatan (itemised billing). Kementerian ini akan menimbangkan untuk

meminda akta yang berkaitan sekiranya perlu untuk mewajibkan 'itemised billing' bagi bayaran yang melebihi jumlah tertentu.

Mengenai pengasingan fungsi mendispens bagi klinik dan farmasi pula, buat masa ini Kementerian Kesihatan tidak bercadang berbuat demikian kerana kekurangan ahli farmasi dan kesulitan yang akan dihadapi oleh orang awam sekiranya pengasingan dilakukan sekarang. Kementerian ini merasa bahawa setakat ini segala langkah yang sedang dilakukan adalah mencukupi bagi menentukan harga ubat terus stabil.

Berkaitan dengan kualiti farmaseutikals pula adalah dinyatakan bahawa semua produk farmaseutikals yang dijual di negara ini diwajibkan berdaftar dengan pihak berkuasa kawalan dadah bagi menentukan berkualiti, berkesan dan selamat diguna. Kementerian ini menentukan bahawa 'standards' yang ditetapkan dipatuhi melalui sistem pengawasan selepas dipasarkan bagi ubat-ubat berdaftar. Produk yang gagal mengekalkan.....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat saya ingat sudah dijawab semua soalan itu....

Dato' M. Mahalingam: Satu lagi belum.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih daripada yang ditanya, Yang Berhormat.

Dato' M. Mahalingam: Ini hak saya, Tuan Yang di-Pertua....

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi hak saya juga....

Dato' M. Mahalingam:produk yang gagal mengekalkan....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hak saya juga untuk mengawal.

Dato' M. Mahalingam: Saya belum jawab habis.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, soalan ini cukup terang.

Dato' M. Mahalingam: Susah!

Tuan Ng See Tiong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu adakah kementerian sedar bahawa pada masa sekarang ini di dalam pasaran kita ada banyak ubat tiruan terutama sekali 'Panadol', kita boleh dapati dari mana-mana kedai, walaupun kedai kopi. Jadi, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian?

Dato' M. Mahalingam: 'Panadol' ialah satu 'on the counter product', di mana-mana kita boleh beli.

Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kementerian sedar pada masa sekarang ramai pesakit khususnya daripada luar bandar yang mendapat rawatan dan prescription, dengan izin daripada farmasi-farmasi ini, jadi apa tindakan yang diambil oleh kementerian ke atas farmasi ini?

Dato' M. Mahalingam: Saya tidak faham soal ini, terus pergi kepada farmasi yang memberi preskripsi....

Tuan Yang di-Pertua: Harap ulangkan soalan itu?

Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, soalan saya ialah ada banyak farmasi khasnya di luar bandar yang memberi rawatan kepada pesakit, medical examination, dengan izin, dengan memberi prescription. Maknanya dia memainkan dua role, ini adalah melanggar medical practise.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini boleh dilaporkan dengan kementerian saya dan tindakan boleh diambil.

Tuan Yang di-Pertua: Ini cukup ringkas jawapannya. *[Ketawa]*

Dr. Ng Yen Yen: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sudah ditimbulkan pada persidangan yang dahulu, tetapi sampai sekarang tidak ada satu tindakan diambil oleh kementerian.

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, apabila hendak mengambil tindakan, perkara itu mestilah satu spesifik kes, tetapi kalau 'am' kita susah hendak mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ini luar biasa, dua kali soal, dua kali jawab - tidak apalah. *[Ketawa]*

AKTA BAGI PUNGUTAN CUKAI SES - CADANGAN MEWUJUDKAN

10. **Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah kerajaan akan mewujudkan akta untuk memungut wang SES dari tanaman kelapa sawit sebagaimana yang telah dibuat oleh penanam-penanam getah. Sudah sampai masanya kerajaan mengadakan pungutan tersebut dari penanam-penanam kelapa sawit supaya pekebun-pekebun kecil memulihkan tanaman mereka.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Cik Siti Zainab binti Abu Bakar]: Terlebih dahulu saya ingin membetulkan ejaan ‘SIS’ dia ‘SES’ bukan ‘SIS’.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada masa ini tidak ada rancangan untuk mewujudkan akta untuk memungut wang SES dari tanaman kelapa sawit seperti yang telah dibuat bagi tanaman getah.

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini sektor perladangan estet kelapa sawit termasuk FELDA telah pun menubuhkan tabung masing-masing bagi membiayai usaha penanaman semula atau pemulihan tanaman sawit mereka. Hanya sektor pekebun kecil yang merangkumi 9% daripada jumlah keluasan tanaman kelapa sawit negara masih belum mempunyai apa-apa skim bagi mengusahakan pemulihan tanaman mereka.

Tuan Mustafa Kamal bin Mohd. Nawi: Kita faham cukai SES itu daripada hasil getah, tetapi adakah kementerian tahu bahawa penanaman semula kelapa sawit di kebun-kebun kecil juga menggunakan tabung daripada penanaman semula dan termasuk dalam ini, kalau tidak silap, cukai SES yang diambil daripada getah?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, untuk penanaman semula daripada getah ke kelapa sawit memang ada SESnya, memang ada bantuannya, tetapi dari tanaman semula daripada kelapa sawit kepada kelapa sawit belum ada tabungannya.

Tuan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Mengikut keterangan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Setiausaha Parlimen ya, minta maaf.....

Tuan Yang di-Pertua: Timbalan Menteri.

Tuan Mastika Junaidah binti Husin: Ya. Pekebun-pekebun kelapa sawit tidak ada dikenakan cukai SES dan bagi pekebun-pekebun kecil apakah rancangan kerajaan untuk membantu mereka sekiranya mereka ingin menanam semula kepala sawit?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, kementerian memang mengakui bahawa para pekebun kelapa sawit merupakan satu golongan yang besar, walaupun penghasilan sektor kepada industri agak rendah berbanding dengan sektor estet dan rancangan-rancangan kerajaan. Walau bagaimanapun, kerajaan ada menyediakan kemudahan pinjaman melalui pinjaman khas pertanian yang disalurkan melalui Bank Pertanian Malaysia, kadar faedah yang dikenakan ialah sebanyak 6% sahaja.

Selain daripada kemudahan kewangan di atas kerajaan menyediakan kemudahan termasuk khidmat nasihat teknikal yang diberikan oleh PORIM supaya penanaman mengikuti amalan tanaman yang baik dan memperoleh bahan tanaman yang bermutu tinggi. PORLA pula memberi khidmat nasihat mengenai pengendalian hasil buah yang efisien supaya harga yang diperolehi adalah berpatutan.

Bagi pekebun-pekebun kecil yang mempunyai kawasan yang tidak ekonomik, kurang dari 4 hektar adalah digalakkan supaya menyertai rancangan pemulihan dan penyatuan tanah di bawah Felcra yang dapat membantu mereka menanam semula secara yang lebih berkesan ataupun mereka boleh menyertai rancangan tanaman berkelompok agensi lain termasuk Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Juga supaya penyebaran maklumat dan teknologi baru menyeluruh dilakukan oleh PORIM dan PORLA dilakukan melalui program-program radio seperti Halaman Sawit dan Siaran Daerah. Program TV seperti Irabina, melalui plot demonstrasi Talian Sawit atau hotline, melalui ceramah, dialog, kursus dan lawatan dan juga melalui roadshows yang akan diadakan oleh PORIM tidak lama lagi dan juga melalui seminar-seminar.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah sebabnya kementerian tidak bercadang untuk memungut SES kepada pekebun kelapa sawit, sedangkan pekebun berminat menanam kelapa sawit, getah sudah tidak ditoreh lagi sekarang?

Cik Siti Zainab binti Abu Bakar: Saya ingin membetulkan 'SES' ini bukan dipungut daripada pekebun-pekebun. 'SES' ini dipungut daripada kilang-kilang, seperti kilang minyak atau mills. Jadi, 'SES' memang tidak dipungut daripada penanam-penanam atau pekebun kecil kerana setakat ini harga kelapa sawit kalau hendak dilihat pada tahun 1995 puratanya adalah sebanyak RM1,472 per ton, sementara harga kos pengeluaran ialah sebanyak

RM500 per ton. Jadi, sekiranya pekebun-pekebun kecil menjalankan practise yang baik dengan amalan ekonomi yang baik, adalah dirasakan mereka masih mampu untuk menanam semula dan mengendalikan kebun dengan baik.

TANAH ORANG ASLI - ELAK PELUPUSAN UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN

11. **Tuan Itam Wali bin Nawan** minta Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat menyatakan bahawa dalam urusan melupuskan sesebuah kawasan tanah untuk projek-projek pembangunan yang melibatkan kawasan tempat tinggal Orang Asli, apakah tindakan kementerian untuk memastikan kawasan Orang Asli tidak terjejas, selamat dan kekal.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Tuan G. Palanivel]: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat, sukacita saya memberitahu Dewan yang mulia ini bahawa dalam isu ini apa yang penting ialah kementerian ini akan memastikan supaya masyarakat Orang Asli yang terlibat mendapat ganti rugi dan pampasan yang terbaik. Mungkin ke atas aset-aset mereka yang rosak atau di atas kehilangan punca pencarian akibat pelaksanaan projek-projek pembangunan.

Pada umumnya, dalam beberapa kes pelupusan tanah kawasan Orang Asli untuk projek-projek pembangunan, masyarakat Orang Asli yang terlibat akan diberi tanah gantian atau kawasan penempatan baru, gantian rumah, kemudahan infrastruktur yang lengkap dan gantian hilang, punca pencarian bagi beberapa tahun tertentu yang difikirkan wajar. Dalam kes tuntutan, kementerian turut merancang program pembangunan pertanian, misalnya

tanaman kelapa sawit bagi memberi peluang ekonomi kepada masyarakat Orang Asli yang terlibat.

Masyarakat Orang Asli juga jika bersesuaian akan diberi peluang untuk turut bekerja dengan kontraktor-kontraktor di kawasan projek pembangunan yang terlibat. Adalah jelas kementerian akan memastikan bahawa akibat daripada pelupusan tanah kawasan Orang Asli untuk projek-projek pembangunan masyarakat Orang Asli tidak akan menerima kesan yang negatif, tetapi sebaliknya lebih meningkatkan taraf kehidupan dan sosio-ekonomi mereka berbanding sebelumnya. Terima kasih.

INSTITUSI PENGAJIAN LUAR NEGERI - KRITERIA PEMILIHAN UNTUK BUKA CAWANGAN

12. **Puan Faridah binti Abu Hassan** minta Menteri Pendidikan menyatakan kriteria asas pemilihan badan-badan pengajian luar negeri yang dibenarkan membuka cawangannya di Malaysia dan nyatakan juga cadangan-cadangan jenis mata pelajaran berkaitan sosio-budaya Malaysia yang akan ditetapkan sebagai mata pelajaran wajib atau pilihan bagi institusi-institusi tersebut.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini Kementerian Pendidikan sedang mengkaji untuk menetapkan kriteria pemilihan universiti luar negeri yang ingin membuka cawangannya di Malaysia. Walau bagaimanapun, setakat ini dua kriteria yang dipertimbangkan, iaitu universiti berkenaan perlulah universiti ternama dan

kursus yang ditawarkan adalah bersesuaian dengan keperluan pembangunan negara.

Peruntukan undang-undang telah digubal bagi mewajibkan semua institusi pendidikan tinggi swasta termasuk kampus-kampus cawangan mengajar mata pelajaran seperti Bahasa Kebangsaan, Pengajian Malaysia dan Pendidikan Islam atau Pendidikan Moral kepada pelajar-pelajar institusi tersebut.

KTM - STATUS PEMILIKAN TANAH

13. **Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) adakah benar tanah-tanah KTM seluruh negara bukan milik KTM secara bergeran. Jika demikian perlulah dinyatakan bagaimanakah urusan pembangunan tanah KTM dibuat, umpamanya di Sentul, Sungai Petani, Butterworth, Brickfields dan tempat-tempat lain; dan
- (b) di tahap manakah usaha sedang dibuat pembinaan landasan kereta api laju dari Padang Besar ke Johor Bharu yang mana usaha samanya dibuat dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee

Heung]: Tuan Yang di-Pertua:

- (a) tanah-tanah KTM dibahagikan kepada dua jenis, iaitu tanah bergeran dan rizab KTM. Kesemua tanah tersebut adalah berdaftar di bawah nama Ketua Pengarah Tanah

dan Galian ataupun dalam bahasa Inggeris 'Federal Land Commissioner' dengan hak kegunaannya diberi khusus kepada KTM, dan untuk tujuan pembangunan tanah KTMB, projek-projek yang dicadangkan perlu mendapatkan kelulusan daripada Jemaah Menteri sebelum penukaran hak milik dan sebagainya dapat dijalankan .

- (b) pada masa ini, usaha sama yang melibatkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah terhad kepada projek sambungan rail daripada Kuala Lumpur ke Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang sahaja. Sehingga ini belum ada keputusan mengenai rancangan pembinaan landasan kereta api laju di antara Padang Besar ke Johor Bharu. Sekian, terima kasih.

Tuan Haji Abdul Majid bin Haji Baba: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah cadangan KTM untuk membina landasan kereta api semula di Melaka?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya soalan ini di luar daripada soalan asal.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Kementerian Pengangkutan, untuk kemudahan Ahli-ahli Parlimen bagi penerbangan MAS telah pun memberikan 25% diskaun, dengan

izin, kepada Ahli-ahli Parlimen dan spouse. Jadi, bagaimanakah dengan KTM, adakah KTM bercadang untuk memberikan juga kemudahan KTM bagi pasangan kepada Ahli-ahli Parlimen?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, dalam pengetahuan saya, semua Ahli Parlimen termasuk Senator dapat dua tiket, pas free untuk menaiki kereta api.

Tuan Yang di-Pertua: Maksudnya spouse.

Tuan Chor Chee Heung: Oh, spouse. Tak mengapalah, macam mana pun kasihan jugalah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Mungkin saya akan bangkit perkara ini dengan KTMB.

BURUH KANAK-KANAK - BILANGAN KES DIKESAN

14. **Puan Sri Sarasa Pasamanickam** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan:

- (a) berapakah kes 'child labour' yang telah ditangkap sejak tahun 1994 hingga sekarang dan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap ibu bapa remaja-remaja yang terlibat dalam kes-kes child labour ini; dan
- (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil selain daripada operasi penangkapan untuk mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Abdul Kadir bin Haji

Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bilangan kes kegiatan penggajian kanak-kanak yang dikesan dan dikenakan tindakan di bawah Akta Penggajian Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 sejak tahun 1994 hingga sekarang ialah 26 orang, membabitkan denda berjumlah RM15,590. Lazimnya Jabatan Buruh di bawah Kementerian Sumber Manusia hanya boleh memberi khidmat nasihat dan kaunseling kepada ibu bapa yang terlibat dalam kes-kes seumpama ini, kerana itu adalah anak mereka sendiri dan ibu bapa berkenaan menyifatkan kanak-kanak itu melaksanakan kewajipan mereka terhadap keluarga.
- (b) Selain daripada operasi penangkapan, beberapa langkah seperti berikut turut dijalankan:
- (i) memberi khidmat nasihat melalui program-program pendidikan perburuhan tentang undang-undang penggajian kanak-kanak dan orang muda oleh pegawai-pegawai buruh di seluruh negara;
 - (ii) menggiatkan aktiviti pemeriksaan ke atas tempat-tempat pekerjaan oleh Jabatan Buruh;
 - (iii) menjalankan kajian terperinci untuk mengetahui keadaan sebenarnya tentang penglibatan penggajian kanak-kanak di negara ini; dan
 - (iv) mengkaji sepanjang masa Akta Penggajian Kanak-kanak dan Orang Muda 1966 dengan tujuan

memperkemaskan lagi kawalan penggajian kanak-kanak di samping memberi mereka lebih perlindungan.

Puan Kamilia binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi telah dikatakan bahawa tindakan penalti, denda dikenakan kepada ibu bapa. Bagaimana pula dengan kanak-kanak tadi yang telah didapati digunakan sebagai ‘child labour’? Adakah selain daripada khidmat kaunseling diberi di bawah jagaan Jabatan Kebajikan contohnya untuk memastikan kebajikan kanak-kanak itu dapat dijaga?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, kita beri kaunseling.

Puan Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya, saya ingin bertanya kepada Timbalan Menteri Sumber Manusia, adakah Timbalan Menteri sedar bahawa ada pekerja kanak-kanak bekerja di pub ataupun di night club? Mengikut guru kaunseling, ada pelajar-pelajar yang bekerja di pub menjadi ketagihan arak dan ketagihan seks. Apakah tindakan kementerian dalam hal ini? Adakah kementerian akan mengharamkan langsung kanak-kanak sekolah daripada bekerja sebagai child labour?

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kementerian memang tidak ada cadangan untuk mengharamkan langsung pekerja kanak-kanak ini bekerja. Tetapi kalau ada kes-kes yang spesifik mengenai apa yang dikatakan memang kita boleh ambil tindakan. Memang sepanjang masa pegawai-pegawai buruh menjalankan pemeriksaan dalam premis-premis berbagai-bagai untuk mengesan tentang kejadian-kejadian yang melanggar akta tersebut. Tetapi saya rasa pihak masyarakat pun bolehlah memainkan peranan untuk membuat laporan jika terdapat kes-kes seperti berikut.

**RESIT DOKUMEN PENGENALAN SEMENTARA -
SINDIKET PEMALSUAN**

15. Tuan Haji Ghazali bin Haji Embong minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramaikah sindiket pemalsuan resit pengenalan sementara dan berapa banyakkah resit pengenalan sementara JPN dipalsukan oleh sindiket beroperasi di ibu negara.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, sejak gerakan yang dilancarkan pada awal tahun 1994 di sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 5 sindiket telah berjaya dikenal pasti oleh pihak berkuasa yang bergiat di dalam aktiviti pemalsuan dokumen pengenalan sementara iaitu JPN.1/9. Seramai 42 orang daripada ahli sindiket tersebut telah ditangkap dan sebanyak 1,159 keping resit JPN.1/9 palsu telah dikesan.

PERSATUAN IBU BAPA/GURU DAN KEJAYAAN PELAJAR

16. Puan Hajah Rahaiah binti Baheran minta Menteri Pendidikan menyatakan keberkesanan peranan yang dimainkan oleh Persatuan Ibu Bapa/Sekolah terhadap pencapaian penuntut dan juga kemajuan sekolah, terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Dr. Fong Chan Onn]: Tuan Yang di-Pertua, Persatuan Ibu Bapa/Guru (PIBG) di sekolah terhadap pencapaian penuntut dan juga kemajuan sekolah terutamanya sekolah-sekolah di luar bandar didapati berkesan dengan cara:

- (i) membantu sekolah mendapatkan sumber kewangan bagi menambah kelengkapan peralatan sekolah dengan menganjurkan aktiviti-aktiviti seperti jogathon dan walkathon;

- (ii) menganjurkan siri ceramah dan seminar keibubapaan bersama dengan pihak sekolah bagi meningkatkan kesedaran ibu bapa terhadap pendidikan anak-anak;
- (iii) melaksanakan program gotong-royong ke arah kebersihan dan keindahan sekolah;
- (iv) membantu sekolah dalam mengurangkan masalah disiplin dengan menerbitkan newsletter, membahagikan jawatankuasa di peringkat-peringkat zon, menyediakan mesej supaya ibu bapat peka dengan disiplin anak-anak; dan
- (v) menganjurkan sesi perbincangan di antara ibu bapa serta guru untuk mengenal pasti kelemahan pelajar dan mendapatkan bimbingan ke arah pendekatan pencapaian dalam pelajaran dan seterusnya kemajuan sekolah.

Tuan Ding Seling: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan mengenai PIBG. Di tempat-tempat pedalaman, adakah benar bahawa PIBG hanya bermesyuarat sekali sahaja iaitu pada hujung tahun sahaja dan tidak ada melakukan peranan-peranan seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri tadi.

Datuk Dr. Fong Chan Onn: Tuan Yang di-Pertua, memanglah, sungguhpun Kementerian Pendidikan ada garis panduan seperti yang saya telah

terangkan, memanglah peranan yang dimainkan oleh pihak PIBG adalah terpulang kepada PIBG-PIBG tertentu dan kalau PIBG-PIBG tertentu tidak minat atau tidak mempunyai kebolehan untuk memainkan fungsi-fungsi yang disenaraikan, pihak sekolah akan terus memberi pertolongan kepada pihak PIBG supaya dia akan boleh memainkan peranan yang ditentukan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian pertanyaan-pertanyaan bagi jawab mulut.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan jawapan bagi soalan No. 17 hingga Soalan No. 27 akan dicetak dalam buku yang berasingan]

USUL**Rancangan Malaysia Ketujuh
1996-2000**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan atas Usul yang dibuat di atas nama Perdana Menteri dan masalah dicadangkan:

Bahawa Dewan ini,

menyedari pertumbuhan pesat ekonomi negara dan kemajuan ketara dalam pencapaian matlamat sosio-ekonomi negara dalam tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam;

menyokong kerajaan meneruskan pelaksanaan Dasar Pembangunan Nasional dan usaha-usaha untuk mencapai objektif yang terkandung dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua melalui proses Rancangan Pembangunan Lima Tahun;

melulus dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dirangka untuk melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan untuk merealisasikan objektif dan komitmen Dasar Pembangunan Nasional seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah Bil. CMD 8 Tahun 1996;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Ketujuh, Dewan ini menyeru semua rakyat Malaysia mempergiatkan usaha dan komitmen mereka ke arah matlamat mewujudkan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi negara untuk mencapai status negara maju seperti yang dihasratkan di bawah Wawasan 2020. *[28hb Mei, 1996]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Rahim bin Baba, sila sambung perbahasan.

3.34 ptg.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk meneruskan ucapan saya dalam membahas dan seterusnya menyokong Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai untuk meneruskan ucapan saya ini, saya mempunyai 3 perkara yang ingin saya bertanyakan di sini, yang ingin saya mendapatkan pandangan dan seterusnya saya ingin memberikan pendapat-pendapat saya terutamanya dalam bidang sukan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Rahim, diminta berhenti sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling mempengerusikan Majlis.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Silakan Tuan Rahim.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita ketahui, sukan sebagai satu permainan yang telah pun berjaya menyatupadukan rakyat Malaysia selama ini. Tetapi baru-baru ini, walaupun saya bukanlah peminat badminton, saya lebih merupakan sebagai peminat kepada perpaduan. Kita telah pun menunjukkan perpaduan melalui sukan. Dalam mana-mana permainan juga, walaupun dianya bangsa Melayu, China, India, Iban, Kadazan ataupun sebagainya, apabila mereka bermain untuk negara, mereka itu sungguh-sungguh menunjukkan satu perpaduan dan dengan sepenuh hati bermain untuk negara. Tetapi baru-baru ini kita telah pun dapat melihat satu

perkara yang tidak sepatutnya berlaku kepada negara kita. Soal kita kalah piala Thomas tidak menjadi masalah, orang lain pun kalah juga, bukan sahaja Malaysia yang kalah dalam piala Thomas dan bukanlah ini pertama kali kita kalah piala Thomas. Sudah banyak kali kita kecundang dan juga kita kecewa, tidak berjaya dalam banyak jenis sukan, termasuklah piala Thomas baru-baru ini. Tetapi apa yang lebih membimbangkan saya ialah apabila berlaku perpecahan yang begitu ketara di dalam sukan badminton di negara kita, pemain-pemain sukan negara kita. Ada 3 kem, satu Wira Tangkis, satu lagi, entah apa nama dia dan satu lagi BAM - 3 kem dalam satu pasukan yang 11 orang. Saya fikir lebih baik kalau ada 11 orang, dia ada 11 kem, dia ada 11 jurulatih, barulah betul-betul kita nampakkan perpecahan.

Ini satu perkara yang tidak semestinya berlaku. Selepas negara kita merdeka sebegitu lama, selepas kita mengagung-agungkan di luar negara bahawa negara kita ini sebagai satu negara yang sungguh bersatu padu, rakyatnya bersatu padu, pemain-pemainnya bersatu padu dan sebagainya, tetapi dalam untuk menjaga 11 orang pemain pun kita gagal untuk menyatukan 11 orang pemain. Saya katakan sekali lagi, kita tidak mendapat piala Thomas itu tidak menjadi masalah. Kalau kita hendak buat piala Thomas sendiri pun buatlah - 10 pun kita boleh buat, tetapi yang lebih mustahaknya, perpecahan dan bukannya di Malaysia sahaja yang tahu soal perpecahan kita ini, seluruh dunia tahu. Keadaan itu berlaku di Hong Kong, dilaporkan dalam akhbar-

akhbar di Hong Kong, dilaporkan dalam akhbar-akhbar di Malaysia. Jadi, perpecahan ini menunjukkan satu suasana yang tidak baik dan saya berharap kepada pihak kerajaan, pihak Kementerian Belia dan Sukan dan juga badan-badan sukan, lain kali kita jangan terlampau ghairah sangat hendakkan piala, hendakkan kemenangan, tetapi kita ketepikan soal prinsip, soal perpaduan rakyat.

Jangan kita diugut oleh pemain-pemain. Kita ada 19 juta penduduk di negara kita, kalau 11 orang itu tidak boleh main, tidak boleh bersatu padu, kita cari yang lain, tidak apa, kita kalah pun kalahlah, asalkan perpaduan negara kita tidak terjejas. Apa gunanya kalau kita memang piala Thomas pun hari itu, mungkin cerita perpecahan ini tidak timbul agaknya, tidaklah dibesar-besarkan sangat, tetapi kalau kita memang piala Thomas, tetapi yang 11 orang ini pun kita tidak dapat hendak satupadukan.

Saya berharap kepada pihak Kementerian Belia dan Sukan pada masa yang akan datang, kepada badan-badan sukan, Kementerian Belia dan Sukan boleh kata, oleh kerana dia tidak ada 'gigi' hendak mengawasi badan-badan ini, tetapi kita harap kepada badan-badan sukan supaya di masa-masa akan datang akan bertegas.

Kalau seseorang itu, tak mahu mengikut arahan-arahan ataupun satu pihak itu tak mahu mengikut peraturan-peraturan yang telah pun disediakan, yang telah pun ditetapkan, jangan ambil dia sebagai pemain. Ramai lagi orang lain boleh bermain, boleh mewakili negara, daripada kita pergi mewakili negara, kita buat malu pula, seluruh dunia tahu tentang perpecahan kita, tentang

ketidakefahaman kita, sudahlah tak dapat 'cup', sudahlah kalah, lepas itu sudah tahu pula tembelang kita. Kita kalau boleh perkara-perkara macam ini kita hendak sorokkan, jangan dunia luar tahu.

Saya berharap kepada Kementerian Belia dan Sukan dan badan-badan sukan kali ini supaya tegas, jangan ada mereka yang boleh mengugut mengatakan begini begitu, kalau tidak dia tak hendak main. Tak hendak main tak mengapa, kita cari ramai lagi. Begitu juga, kita beritahu kepada syarikat-syarikat yang hendak sponsor pemain-pemain ini, kalau mereka tidak mahu menurut perintah ataupun turut arahan daripada pihak BAM ataupun pihak badan-badan sukan, mereka ini jangan diberikan sponsor. Saya percaya pihak-pihak sponsor pun kalau diberikan kata dua oleh pihak kerajaan, mereka tidak akan sponsor kepada mereka yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh tentang soal kebersihan bekalan air kita. Semalam telah pun ditimbulkan bahawa kemungkinan berlakunya taun di Pulau Pinang baru-baru ini. Wabak taun adalah disebabkan oleh bekalan air kita yang contaminated, dengan izin. Ini besar kemungkinannya. Kita jangan melihat dari segi kesannya kepada 1,000 ataupun 2,000 orang yang dijangkiti ataupun mengidap penyakit taun tetapi juga dari segi negara keseluruhannya, dari segi keyakinan pelancong-pelancong untuk datang ke negara kita, untuk melawat negara kita. Oleh kerana adanya wabak taun ini, mungkin ini ada kaitannya dengan bekalan air.

Tuan Yang di-Pertua, memang kita bangga, lebih daripada 90% penduduk-penduduk negara kita ini telah pun mendapat bekalan air bersih, bersih dalam inverted comas pada sayalah. Kalau kita kaji balik air yang kita minum sehari ke sehari ini sejak adanya mineral water ini, sejak adanya alat-alat yang boleh melihat bagaimana banyaknya karat yang ada dalam air itu, saya sekarang ini sudah tak berani hendak minum air paip kita yang ada sekarang. Saya cek punya cek rupanya barulah saya tahu, paip-paip yang ada, saluran yang membekalkan air bersih ke rumah-rumah kita ini memang telah dibina di zaman penjajah dahulu lagi. Jadi, inilah air yang kita minum dari sehari ke sehari.

Jadi, saya berharap semasa kerajaan menswastakan bekalan air ini memang dari segi zahirnya air yang dibekalkan itu nampak bersih. Saya lihat dari segi penswastakan bekalan air ini, yang diswastakan hanya tangki air itu sahaja, reservoir itu yang diswastakan, air yang masuk ke reservoir itu yang dipastikan bersih, tetapi air yang mengalir dari reservoir keluar balik ke rumah-rumah kita itu tak ada pihak yang mengambil berat. Dalam penswastakan itu tidak diambil kira bahawa mereka yang terlibat dalam projek penswastakan ini juga bertanggungjawab supaya memperbaiki ataupun memperbaharui paip-paip yang telah pun bertahun-tahun lamanya, yang telah pun berkarat yang menjadi air minuman kita dari sehari ke sehari. Pihak swasta memanglah mereka itu hendak mencari jalan mudah untuk mencari keuntungan tetapi pihak kita yang

menentukan bekalan air ini supaya rakyat kita betul-betul dapat bekalan air bersih hendaklah memastikan, di samping kita memberikan penswastaaan, kita juga memastikan supaya paip-paip air ini pun diganti dengan yang baru, diganti dengan yang tidak berkarat ataupun sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, soal air ini pun saya lihat memanglah saya percaya kalau saya tanyakan soal bekalan air, kenapa bekalan air di antara satu negeri ke negeri yang lain kadarnya tak sama, pihak kementerian akan menjawab, 'ini adalah urusan kerajaan negeri, bukan urusan Kerajaan Pusat'. Jadi, setiap kerajaan negeri boleh menetapkan kuasa kerajaan negeri untuk menentukan, itulah sebabnya saya menjawab dahulu sebelum pihak kementerian menjawab dalam soal yang sedemikian.

Tetapi apa yang saya harapkan ialah apakah susahnya sangat soal air ini supaya diletakkan di bawah Kerajaan Pusat? Dahulu ada ura-ura hendak meletakkan seluruh bekalan air ini di bawah Kerajaan Pusat. Tenaga Nasional di bawah Kerajaan Pusat, semua rate di seluruh negara sama, telefon pun di bawah Kerajaan Pusat, semua kadar seluruh negara sama, tetapi bekalan air masih juga di bawah kerajaan negeri, lain-lain negeri, lain-lain kadar yang dikenakan mengikut sesuka hati sahaja. Kerajaan Pusat seolah-olah tak ada kuasa. Apa susahnya sangat kuasa bekalan air ini diletakkan di bawah kuasa Kerajaan Pusat supaya sama 'uniform' di seluruh negara kadar yang terpaksa dibayar oleh pengguna-pengguna menggunakan bekalan air. Mesti ada political

will, jangan takut sangat, kadang-kadang Kerajaan Pusat terlampau berkira sangat hendak membuat sesuatu keputusan. Ini bukannya ada soal Perlembagaan, bukan hendak pinda Perlembagaan, ambil dan beritahu bahawa soal air diletakkan di bawah Kerajaan Pusat.

Perdana Menteri kita beritahu semua Menteri Besar, soal bekalan air diletakkan di bawah Kerajaan Pusat, bukannya di bawah kerajaan negeri. Itu sahaja, bukannya susah sangat. Kalau Menteri-menteri Besar tidak bersetuju, ramai lagi orang yang boleh menjadi Menteri Besar. Jadi, apa yang susahnya sangat?

Jadi, saya berharap kepada kerajaan pusat kerana soal air ini kita lihat, lain negeri, lain kadarnya. Baru-baru ini di Kelantan umpamanya, walaupun saya bukan orang Kelantan, saya hanya setengah orang Kelantan tetapi saya lihat kadar air telah naik, bil air telah naik 100% sampai ke 500%, hendak buat perigi sendiri pun kena bayar RM60 setahun kepada orang Kelantan. Ini kalau di tempat lain tak kena bayar, tetapi di Kelantan kalau gali perigi sendiri pun kena bayar juga kepada syarikat yang telah diberikan hak kepada air di negeri Kelantan RM60 setahun. Tetapi di negeri lain tak kena bayar.

Datuk Haji Hashim bin Safin: *[Bangun]*

Tuan Ding Seling: Ya, Yang Berhormat Datuk Haji Hashim.

Datuk Haji Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan. Ahli Yang Berhormat yang bercakap tadi, telah lama tidak balik ke Kelantan,

minta penjelasan, kalau balik apakah Yang Berhormat sedar paip-paip di negeri Kelantan sekarang bukannya keluar air, keluar angin. Apakah Yang Berhormat sedar kalau ke Kelantan meter itu naik kerana angin, bukan kerana air. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya Kerajaan Pesekutuan mengambil tindakan segera dalam krisis darurat air di Kelantan ini? Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Silakan Tuan Rahim.

Tuan Rahim bin Baba: Tuan Yang di-Pertua, dari mana Yang Berhormat Datuk Haji Hashim Safin tahu saya sudah lama tak balik Kelantan? Badan saya di sini tetapi hati saya di Kelantan, Datuk.

Sebenarnya, soal kalau hendak katakan kerajaan pusat patut mengambilnya, saya kata sudah lama dah, bukannya kerana soal darurat yang baru ini, sudah lama sepatutnya kerajaan pusat mengambil alih soal bekalan air ini, itu sebabnya saya menimbulkan lagi sekali perkara ini.

Saya harap selepas ini besok jangan banyak lagi soal, beritahu kepada semua Menteri Besar bahawa soal air sekarang ini diletakkan di bawah kerajaan pusat, jangan hendak berdolak-dalik lagi mengatakan ini bimbang, itu bimbang, tak ada apa pun. Soal air masukkan di bawah kerajaan pusat supaya semua negeri sama, ini negeri Selangor lain, kalau hendak penswastan yang di Selangor mereka hendaklah kerana ramai penduduknya tetapi di tempat-tempat yang tak ada, macam di negeri Terengganu, di tempat-tempat di kawasan

pedalaman besok tak hendak beri bekalan air. Jadi, biar kerajaan pusat yang ambil alih keseluruhan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, soal paip tak keluar air itu saya pun tak tahu sangatlah kerana di rumah saya di Kelantan itu menggunakan air perigi, air telaga, itu sebabnya saya tahu kena bayar RM60 itu, masih lagi menggunakan air daripada air telaga, tetapi selepas itu diproses sendiri.

Jadi, kalau betul keadaan itu, saya percaya betullah kerana Datuk Haji Hashim Safin ini memang di Dewan ini tak boleh bercakap bohong, memang perkara yang betul. Jadi, kalau perkara yang betul itu telah pun berlaku, kita berharap kepada kerajaan pusat supaya mengambil perkara ini dengan serius, ambil alih soal bekalan air, jangan kita ada 13 negeri, 13 cara kadar (rate) yang akan dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, buat akhirnya saya ingin menyentuh soal penswastan. Memanglah kita mengalu-alukan soal penswastan ini, memang tidak dapat dinafikan kerajaan telah dapat mengurangkan perbelanjaan, bilangan kakitangan pun telah dapat dipindahkan daripada sektor awam kepada sektor swasta. Serba sedikit efisiensi telah pun bertambah tetapi pada masa yang sama dari pengalaman-pengalaman, entiti-entiti yang telah pun kita swastakan selama ini, nampaknya boleh dikatakan kesemuanya telah pun memberikan beban kepada rakyat.

Indah Water Konsortium (IWK) tidak payah kita cakaplah, kadangkala belum berikan perkhidmatan pun, tidak ada perkhidmatan pun sudah dikenakan bil kepada pengguna, lepas itu saya check balik siapa pemegang saham IWK ini, salah satu daripadanya Lembaga Tabung Haji pula. Saya fikir macam mana ini, Lembaga Tabung Haji pun, takkanlah! Kalau tidak silap sayalah, Lembaga Tabung Haji pun ada sedikit saham dalam IWK. Jadi, itu satu.

Yang keduanya, , jalan (highway) pun kita kena bayar tol tidak apalah, adalah manfaatnya, telefon telah pun diswastakan, naik harga juga, Lembaga Elektrik Negara pun diswastakan, lepas itu Lembaga Elektrik Negara pula beli daripada Independent Power Producers (IPP), Yeoh Teng Lay (YTL) kita bayar 9 sen, IPP yang lain pun lebih kurang 9 sen juga satu unit, Bakun minta 18.5 sen, saya tidak tahu apa keputusan kerajaan, pun belum juga membuat keputusan sama ada hendak bersetuju atau tidak, mahu tidak mahu 9 sen ke, 18.5 sen ke, segala kos ini besok akan ditransferkan kepada rakyat jelata. Yang akan kena bayar ini besok ialah rakyat jelata.

Jadi, saya berharap kepada entiti-entiti yang hendak diswastakan ini supaya jangan lupa bahawa satu soal dia hendak mencari keuntungan, memang kita tidak nafikan, memang kena mencari keuntungan, tetapi pada masa yang sama juga dia mesti ingat, dia ada tanggungjawab sosial, ada tanggungjawab kepada rakyat keseluruhannya. Jangan bila diswastakan, boleh katakan semua. Saya tengok apa-apa yang telah pun diswastakannya, harganya akan naik, air

pun diswastakan seperti yang saya katakan tadi, kadar pun telah naik. Besok, kutipan sampah pun hendak diswastakan, saya percaya assessment akan naik. Tahun depan penduduk di Kuala Lumpur, penduduk di dalam bandar-bandar akan ada pula bayaran kutipan sampah kerana pelupusan sampah dan sebagainya. Percayalah cakap saya, akan ada nanti, sudah siap, agaknya komputer pun sudah diprogramkan, hendak masukkan berapa kena bayaran itu.

Jadi, selama ini kutip sampah tidak kena bayar, kita sudah bayar dengan cukai pintu (assessment) itu yang kita bayar dan itu memang termasuk di dalam kutipan sampah dan sebagainya dan selepas penswastakan kutipan sampah ini, saya percaya. Begitu juga sekarang ini hospital pun hendak diswastakan. Sudah ditimbulkan, sudah banyak kali, di Dewan Rakyat pun sudah bercakap, di sini pun kita sudah bercakap supaya jangan penswastakan ini sampai membebankan rakyat. Jangan sampai rakyat miskin besok orang kampung tidak berani hendak pergi ke hospital kerana dia tahu kalau pergi kena bayar RM10, RM20, sekarang ini mungkin bayar RM1 sahaja, itu pun setengah-tengah itu tidak payah bayar - dapat pelepasan. Tetapi kalau sudah sedia dia tahu kena bayar RM10, RM20 melainkan dia kata kena isi borang mengatakan dia ini orang susah. Kadang-kadang sesetengah orang itu dia pun ada pride juga, dia pun malu hendak mengatakan dia orang susah, hendak dapatkan bantuan. Ini, orang kampung dia macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Orang bandar lain, dia banyak yang temberang-temberang, dia tidak susah sangat pun, dia isi juga borang

mengatakan dia orang susah, tetapi orang kampung, tidak! Dia ada pride dia sendiri, dia ada maruah dia sendiri.

Jadi, kalau hospital hendak diswastakan, yang lain-lain semua hendak diswastakan, saya tidak menentang penswastaan tetapi apa yang saya harapkan ialah supaya penswastaan tidak sampai membebankan rakyat. Jangan sekali-kali kita membuat penswastaan dengan tujuan untuk membebankan rakyat. Sepatutnya penswastaan untuk menyenangkan rakyat. Saya pun kadang-kadang bercakap pasal economy of scale. Patutnya bayaran elektrik ini lagi banyak kita pakai, sepatutnya kadarnya makin kurang lagi because economy of scale, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, kerana saya belajar ekonomi, saya tahulah.

Jadi, dari segi economy of scale mesti sepatutnya bertambah kurang lagi kadarnya, tetapi ini lagi banyak lagi. Telefon sepatutnya lagi lama kita pakai, lagi lama kita bercakap sepatutnya lagi kurang kadarnya sebabnya economy of scale kerana bukan ada cost yang kena ataupun sebagainya. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dari segi penswastaan ini supaya dapat kerajaan memikirkan. Niat kerajaan memang baik, memang kita tidak nafikan niat ataupun hasrat baik kerajaan untuk mengadakan projek-projek penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya telah pun memberikan saya nota. Sebenarnya saya malas hendak bercakap lagi perkara ini. Soal peruntukan kepada Ahli-ahli Dewan Negara. Mula saya masuk Dewan Negara pada tahun 1991 dulu pun, saya pun bercakap juga supaya Ahli Dewan Rakyat dapat

peruntukan RM300,000 setahun - untuk projek-projek kecil - bukan untuk masuk kecek sendiri, untuk projek-projek kecil, tetapi Ahli Dewan Negara, kita bukan minta banyak, kita minta RM100,000 sahaja. Jadi, saya mintalah kepada pihak kementerian senang sahajalah, bila buat jawapan, jawab 'ya' atau 'tidak' sahajalah. Janganlah kata hendak kaji dulu, hendak bincang dulu ataupun sebagainya. Sudah enam tahun tidak akan hendak kaji, hendak bincang lagi! Kalau hendak beri katakan berilah, kalau tidak beri, katakan kita tidak akan beri kepada Ahli-ahli Dewan Negara, okay kata tidak beri, senang! Jadi, kita pun tidak mahu timbulkan banyak kali. Kadang-kadang malu juga di depan pegawai-pegawai kerajaan ini, asyik-asyik cakap pasal minta peruntukan RM100,000. Saya sudah jelak bercakap tetapi mereka minta juga saya bercakap. Saya sudah tidak perlu, tahun depan saya sudah tidak jadi Senator lagi. Jadi, lebih saya bercakap untuk kawan-kawan yang ada inilah. Saya pun kasihan juga, saya pun faham masalah Ahli-ahli Dewan Negara. Dia ingat Ahli Dewan Negara ini tinggi dari Ahli Dewan Rakyat, dia ingatkan peruntukannya lebih daripada Ahli Dewan Rakyat tetapi kita pun tidak hendaklah kata dengan rakyat yang kita tidak ada peruntukan.

Tuan Ding Seling: Tuan Rahim, Datuk Haji Ibrahim Ali hendak minta laluan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Senator Tuan Rahim Baba. Sebenarnya Ahli

Dewan Rakyat tidak ada peruntukan yang disebutkan RM300,000. Ini sebagai penjelasan kepada Tuan Rahim Baba sebab saya takut perkara ini terkeliru, cuma Ahli-ahli Dewan Rakyat boleh mencadangkan kepada pihak kerajaan projek-projek yang dikirakan sesuai untuk kepentingan rakyat di kawasan masing-masing.

Jadi, saya kira adalah lebih berkesan kalau kita mencadangkan kepada kerajaan apabila Ahli-ahli Dewan Negara yang tinggal di tempat masing-masing dan secara kebetulan didatangi oleh rakyat yang meminta pertolongan, lebih-lebih lagi ada hal-hal yang berkaitan dengan projek, tanpa mengira jumlah, mungkin jumlahnya RM50,000, jumlahnya RM100,000, jumlahnya RM200,000 tetapi pandangan ataupun cadangan projek-projek yang disenaraikan oleh Ahli-ahli Dewan Negara di tempat masing-masing patut diberi perhatian dan diberi keutamaan.

Kalau kita katakan Ahli Dewan Rakyat ada RM300,000 itu tidak tepat, nanti pihak DAP, pihak PAS pun mengatakan, “kenapa kami tidak ada?” Sememangnya tidak ada peruntukan itu. Yang ada ialah mereka diberi peluang untuk mencadang projek-projek kecil tidak lebih daripada RM300,000. Pada saya, baik Ahli Dewan Rakyat ataupun Ahli Dewan Negara, tidak kira had, tidak kira jumlah, yang penting di kawasan mana yang dikira perlu diberi pembelaan, terdapat ramai orang miskin, teruk dari segi pembangunan infrastruktur. Jika Ahli Dewan Negara memberi cadangan, kalau RM3 juta

projek mesti dijalankan, RM3 jutalah. Kalau RM2 juta, RM2 jutalah. Itu sahaja yang saya rasa asasnya, yang penting daripada kita ada angka supaya tidak timbul kekeliruan dari segi peranan dan fungsi kita membela rakyat, baik di bandar ataupun di luar bandar. Sekian, terima kasih .

Tuan Ding Seling: Silakan, Yang Berhormat Tuan Rahim bin Baba.

Tuan Rahim bin Baba: Terima kasihlah Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali.

Sebenarnya saya tidak pernah menjadi Ahli Dewan Rakyat, itu sebabnya saya tidak tahu. Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali dia pernah menjadi Ahli Dewan Rakyat jadi dia tahu perkara itu, tetapi sebut apa pun orang kata 'peruntukan' jugalah, sebut ikut mana pun katakan 'hak untuk meluluskan' ataupun sebagainya pun 'peruntukan' jugalah.

Dewan Rakyat ada hak memberi RM300,000 dan menetapkan projek-projek yang tertentu, jadi kita minta hanya RM100,000, tetapi kalau Yang Berhormat Datuk Haji Ibrahim bin Ali kata tidak ada had yang tertentu, itu terpulanglah, pada saya kalau dapat RM100,000 pun, kuasa atau had RM100,000 pun saya sudah bersyukur.

Saya harapkan kali inilah - kali ini saya harap biarlah dijawab betul-betul sedikit, pastikanlah kali inilah - tidak tahulah kenapa kali ini saya betul-betul hendak menimbulkan balik perkara ini, kerana pada tahun hadapan saya tidak ada peluang lagi hendak menimbulkan lagi perkara ini.

Oleh itu, saya berharap kepada pihak Kementerian Kewangan kerana inilah rayuan terakhir saya dengan rakan-rakan yang lain supaya diberikan hak juga kepada Ahli-ahli Dewan Negara supaya meluluskan projek-projek atau memberikan kuasa untuk meluluskan projek-projek kecil dalam kawasan-kawasan masing-masing. Oleh kerana Ahli-ahli Dewan Negara tidak mempunyai kawasan yang tertentu sekurang-kurangnya boleh meringankan beban Ahli-ahli Dewan Negara semasa mereka ini memberikan perkhidmatan kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dengan kata-kata itu saya menyokong Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tahun 1996-2000. Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk Haji Ibahim bin Ali.

4.05 ptg.

Datuk Haji Ibahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai dengan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Sebelum itu sukalah saya mengambil kesempatan di sini Tuan Yang di-Pertua, untuk turut mengalu-alukan adik-adik kita yang ada dalam Dewan Negara ini yang telah membuat kunjungan ke Dewan Negara kita pada hari ini.

Saya cukup senang hati sekali melihat adik-adik kita dalam Dewan

Negara ini yang akan merupakan pewaris kepada generasi akan datang yang semuanya saya percaya ibu bapa masing-masing, bukan sahaja ahli UMNO, tetapi penyokong-penyokong Barisan Nasional. *[Ketawa]* Kerana dalam Dewan Negara sekarang ini, untuk makluman adik-adik, sedang berbahas mengenai dengan Rancangan Malaysia Ketujuh yang ada kaitan dengan masa depan adik-adik kita seperti yang ada dalam Dewan Negara ini.

Sebelum saya meneruskan perbahasan saya Tuan Yang di-Pertua, saya ada sedikit hendak menyebut di sini iaitu mengenai dengan perkara yang ada kaitan dengan 'liputan' yang dibuat oleh media, berhubung dengan perbahasan di Dewan Negara ataupun di Dewan Rakyat.

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak media massa terutama media-media tempatan harian seperti akhbar *The New Straits Times*, *Berita Harian*, *Utusan Malaysia*, *Utusan Melayu*, *The STAR* dan lain-lain akhbar yang membuat liputan semasa persidangan Dewan Rakyat dan juga Dewan Negara.

Saya mengucapkan terima kasih bukan sahaja menyanjung tinggi di atas peranan mereka, tetapi saya ingin mengambil perhatian Tuan Yang di-Pertua, supaya pihak media kalau pun selama ini sudah ada membuat liputan, tetapi memberi ruang yang lebih dari segi liputan di waktu sidang Dewan Rakyat ataupun di Dewan Negara.

Dalam media elektronik, hanya laporan sidang Dewan Rakyat, Dewan Negara kita dapati di waktu Warta Berita jam 8.00 malam. Kalau dalam radio

jam 9.00 malam, manakala dalam akhbar walaupun akhbar itu diterbit dengan begitu tebal, tetapi saya tengok jarang sekali semuka penuh, paling tinggi setengah muka atau tiga suku muka, kadang-kadang lebih sedikit. Yang paling malang, Tuan Yang di-Pertua, saya dapati laporan-laporan ini, kalau pun ada laporan, ianya banyak laporan-laporan percakapan daripada pihak kerajaan iaitu menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen. Ada juga di kalangan nama-nama Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Dewan Rakyat disebut, tetapi hanya disebut siapa yang bertanya soalan. Demikianlah kalau kita tengok berita yang jawab oleh seorang menteri ataupun timbalan menteri, ketika menjawab soalan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Hashim bin Safin. Kadang-kadang soalannya apa yang disoal pun orang tidak tahu, namanya disebut kerana dia ini pihak yang membawa soalan.

Di Dewan Rakyat pun saya tengok demikian, bukan tidak ada liputan waktu Ahli-ahli Dewan Rakyat, Ahli-ahli Dewan Negara membuat perbahasan. Ada juga jika Ahli-ahli Dewan Rakyat itu pandai dan kebetulan pula menyentuh isu penting (semasa) dan boleh menimbulkan sedikit kehangatan maka dapat liputan, ataupun mungkin orang-orang yang ada kaitan dengan pihak akbar, terutamanya Ahli Dewan Negara ataupun Ahli Dewan Rakyat yang mempunyai hubungan baik dengan pihak-pihak tertentu juga mungkin mendapat tempat. Tetapi setengah-setengah pihak yang lain sudah barang tidak akan mendapat tempat, ruangnya sedikit.

Saya menyebutkan perkara ini Tuan Yang di-Pertua, pihak menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen yang mendapat liputan lebih daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat biasa dan Ahli-ahli Dewan Negara yang biasa, sebabnya saya menyatakan demikian, menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen mereka ini bercakap dan ada platform sepanjang masa. Waktu rasmi PIBG - keluar dalam suratkhbar, waktu menjadi saksi pada perjanjian MoU sekarang ini cukup banyak, MoU sana, MoU sini, selepas itu pihak akhbar tanya, minta ulasan, minta komen - keluar dalam akhbar, hari-hari. Manakala Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara - Ahli Dewan Rakyat dipilih oleh rakyat, manakala Ahli Dewan Negara ada fungsinya dilantik oleh kerajaan dan oleh Yang di-Pertuan Agong, banyak pandangan mereka, teguran-teguran mereka yang perlu diketahui oleh rakyat. Nanti orang kata Ahli Dewan Rakyat tidak bercakap, pandangan-pandangan mereka tidak kritikal, tidak ada nilai, manakala kita lihat kalau ada setengah-setengah isu penting yang memang sering dibangkit sudah bertahun-tahun dahulu. Maka hari ini hidup kembali dan ada pihak-pihak tertentu bercakap dan mendapat liputan seolah-olah perkara itu baru dibangkit.

Saya berharap perkara ini mendapat pertimbangan daripada pihak akhbar, sebab dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh, di waktu perbahasan Titah Ucapan Di-Raja, waktu perbahasan di Dewan Rakyat, saya

memang berani bercakap kerana melihat kepada pengalaman yang pernah saya lalui.

Saya berterima kasih sebab ada juga sekali-sekala saya turut mendapat liputan oleh pihak-pihak akhbar, saya mengucapkan terima kasih, bukan kata tidak ada. Tetapi saya menyebutkan di sini ada pandangan-pandangan yang perlu supaya pandangan daripada Ahli-ahli Dewan Negara waktu perbahasan wajar diberi liputan yang lebih daripada apa yang kita ada sekarang.

Banyak surat khabar saya lihat tebal-tebal - liputan sukan pun banyak di belakang, tetapi banya mana sukan pun kalah sepanjang sahaja, Thomas Cup pun kalah. Adik-adik [*kepada pemerhati*] balik main badminton, mudah-mudahan besok kita menang Thomas Cup, jangan kita beri malu kepada negara kita. Tetapi berita-berita lain banyak lagi - cukup banyak. Apakah salahnya hendak beri satu ruang ataupun dua ruang misalnya 3 muka? Dewan Negara bukan bersidang selalu - tiga kali setahun, kalau tidak buat liputan pada saya, berilah liputan pada yang lain-lain. Saya tahulah, mungkin saya tidak ada hubungan dengan orang-orang penting dalam akhbar, dengan ketua pengarah tertentu ataupun mungkin tengok saya ini suka atau tidak suka, kadang-kadang dia censoredkah, tetapi sekurang-kurangnya yang lain berilah tempat.

Saya cukup puji surat khabar, ada surat khabar buat ruangan surat-surat kepada pengarang, satu muka penuh. Bukan main panjang lagi orang boleh tulis surat keluar kepada saudara pengarang. Cuba check balik *Hansard Dewan*

Rakyat, Dewan Negara, betapa banyaknya isu-isu yang telah dikemukakan yang perlu mendapat perhatian. Sebab saya percaya, walaupun kita berucap di sini, Tuan Yang di-Pertua, menteri kadang-kadang ada, wakil-wakil kerajaan kadang-kadang ada, kadang-kadang tak ada. Ada menteri, ada timbalan menteri, ada setiausaha Parlimen. Tetapi pegawai-pegawai ada. Nanti kalau ada perkara bangkit, pegawai nanti tulis beri kepada menteri, menteri jawab.

Soalnya baca atau tidak *Hansard* bagi menteri-menteri yang tak ada? Sebab itu kadang-kadang saya naik malas hendak bercakap - malas. Kalau jawab pun, sama sahaja, stereo type. Yang berbezanya, angka. Mana yang dikatakan pembangunan minda, yang dikatakan perkembangan masa kini, perubahan. Macam itu juga bercakap. Alih-alih balik pusat Serenti, budak-budak berontak, itu sahaja. Yang akhir di Jeli, baru-baru ini. Tetapi sebenarnya banyak idea-idea yang boleh dan perlu diketahui oleh rakyat.

Saya percaya kalau adalah motivasi seumpama ini, tentulah Ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara lebih rajin, lebih berminat untuk membuat kajian, bercakap pun lebih berani, terbuka dan bersedia untuk mengambil risiko. Ada sesetengah bercakap sampai sejam setengah. Balik esok tunggu televisyen malam, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Ada sesetengah pagi-pagi lagi, bangun tak berus gigi, cari surat khabar hendak tengok, dia berucap hari ini keluarkah? Tengok-tengok esok sebaris pun tak ada. Tetapi sesetengah berleret-leret tak fasal-fasal. Benda yang bercakap benda yang sama sahaja.

Sudah, gambar lagi, dua-tiga para, empat-lima para. Ini kadang-kadang kita kritik jugalah.

Kita semua manusia, ada kelemahan, ada kebaikan. Memang ada sesetengah pihak, kita tengok macam-macam. Institusi akhbar pun ada peranan. Waktu mereka bercakap mengata kita bebas, mereka tak mahu dikongkong, mereka mahu bebas. Walaupun mereka bebas, mereka hanya menyiarkan berita-berita orang yang mereka suka, juga tidak bebas. Let face the reality, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Ini perkara hakikat. Ini belum bahas lagi, baru mukadimah, adik-adik. Tengok gaya saya, balik esok tiru gaya ini. Cukup umur 21, jadi ahli UMNO, lawan ketua cawangan, [*Ketawa*] lawan jawatankuasa bahagian. Masuk universiti dahulu. Belajar, dapat degree, balik, ambil alih, jadi Ahli Dewan Negara, Ahli Dewan Rakyat, macam saya bercakap, syok tak?

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan perkara-perkara ini sebab kita mahu segala pandangan di kedua-dua Dewan ini benar-benar berkesan dan benar-benar diambil perhatian sungguh-sungguh. Malah saya tengok *Hansard* pun sudah mula lewat. Kalau waktu Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersidang serentak, memang *Hansard* lewat. Sudah tiga-empat hari lewat, ini baru keluar. Tak tahu apa yang dibahas semalam.

Jadi, saya merumuskan kepada pihak akhbar supaya lebih adil dan mencerminkan kebebasan mereka, dan mencerminkan idealisme yang mereka

junjung. Kita baca banyak ruangan ‘nota kaki’, ruangan ‘gossip coffe house’ dalam *Utusan Malaysia*, *Wak Cantuk*, dan sedap kadang-kadang kita baca. Tetapi kita harap mereka juga supaya menjunjung prinsip keadilan, dan jangan memihak kepada mana-mana pihak, dan memberi tempat dan liputan secara adil kepada semua pihak kalau membuat liputan akhbar. Terutamanya pandangan Ahli-ahli Dewan Negara yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebutkan, tiga suku, satu muka setengah, empat para, lima para, menteri-menteri, timbalan menteri-menteri, setiausaha Parlimen, mereka boleh masuk berita hari-hari. Sebab mereka ada berita portfolio, mereka ada tugas kerajaan rasmi, macam-macam mereka hadir seminar, sign MOU, macam-macam. Maka berita mereka boleh dibuat liputan hari-hari. Sekali lagi saya minta pandangan Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara, kalau bolehlah diberilah keutamaan lebih sedikit, satu muka atau dua muka supaya rakyat tahu mereka memainkan peranan dan mereka berfungsi menyampaikan pandangan untuk kebaikan rakyat dan juga negara. Itu perkara pertama, Tuan Yang di-Pertua.

Seterusnya masuk kepada perbahasan. Saya ingin merujuk kepada perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan, kerana Kerajaan Barisan Nasional di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Anwar Ibrahim selaku Timbalan Perdana Menteri

bersama dengan Kabinet, telah berjaya melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh dengan jayanya.

Kita cukup bangga kerana pencapaian dalam Rancangan Malaysia Keenam - hasil pencapaian dalam Rancangan Malaysia Keenamlah, apa yang kita nikmati pada hari ini. Saya ucapkan tahniah kerana mengikut ringkasan dari segi pencapaian ekonomi dalam bentuk mikro ekonomi, matlamat asal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang sepatutnya 8.1%, tetapi sesudah Rancangan Malaysia Keenam selesai, pencapaiannya ialah 8.7%, bererti naik 6%. Satu thumb up, maknanya tahniah. Ini angka atas kertas. Adik-adik kita sudah hendak balik. *[Ketawa]* Dah cukup dengar sedikit tadi ya. Jadi, kalau hendak dengar lagi, buat rombongan datang lagi. Beritahu cikgu-cikgu. Kirim salam bila balik nanti kepada ayah emak semuanya. Sokong UMNO dan Barisan Nasional, jangan sokong PAS, kacau! *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, pengalaman kita lihat matlamat 2.8% pencapaian juga 2.8%. maknanya, capai matlamat kita dapat mengurangkan, maknanya kita dapat mempertahankan angka pencapaian yang kita kehendaki 2.8%. kadar inflasi, matlamat 4.1% - pencapaian 4.0%. Angka lebih rendah daripada matlamat. Akaun semasa dalam imbangan pembayaran mengikut peratus kepada KNK - matlamat minus ataupun tolak 1.3%, pencapaian tolak 6.7%, per kapita Keluaran Dalam Negara Kasar - 9,786, semuanya naik melebihi daripada angka pencapaian matlamat.

Begitu juga sumber pertumbuhan dan struktur ekonomi. Saya sebut perkara ini sebab bila kita ucap tahniah, kita ucap tahniah kerana ada fact, ada fakta yang membuktikan kita berjaya. Pembuatan - matlamat dahulu 12.2%, pencapaian 13.3%. Pembinaan - 12.8%, 13.3%. Perlombongan - 1.1%, pencapaian, 2.9%. Perkhidmatan - 9.1%, pencapaian 9.3%. Saya tak sebut peratus kepada KDNK, saya sebut dari segi peratus pencapaian matlamat. Pertanian - matlamat 2.1%, pencapaian 2.0%, iaitu turun 1%, itu sahaja. Yang lainnya melebihi garis dari segi pencapaian, terutama dalam pertumbuhan dan struktur ekonomi dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada kejayaan ini, saya bagi pihak rakyat khususnya, rakyat yang saya wakili ataupun sebagai rakyat yang setia kepada negara ingin mengambil kesempatan sekali lagi untuk menyatakan setinggi penghargaan, terima kasih kepada pemimpin-pemimpin kita semua peringkat termasuk pegawai-pegawai kerajaan yang telah menjayakan pelaksanaan dasar Rancangan Malaysia Keenam dengan jayanya.

Sekarang kita masuk kepada era Rancangan Malaysia Ketujuh dan secara kebetulan kita sedang menempuh dalam era abad ke-21. Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh di Dewan Rakyat, dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh dalam Dewan Negara menggariskan berbagai-bagai matlamat. Saya tidak bercadang untuk menyentuh matlamat-matlamat

berkenaan untuk diulang, kita semua sudah tahu. Cuma sebagai Ahli Dewan Negara, ada beberapa isu yang saya ingin ambil kesempatan dalam perbahasan ini untuk membuat pandangan, teguran dan juga pertanyaan untuk mendapat penjelasan dan moga-moga pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh lebih gemilang dan cemerlang daripada pencapaian Rancangan Malaysia Keenam. Asas yang pertama, sudah barang tentu ialah perpaduan rakyat, kestabilan politik dan sokongan kita kepada pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan kepada semua menteri Kabinet.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi dalam pada itu, isu pertama yang saya hendak sebut ialah hal Kelantan. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, Kelantan tidak dipinggirkan dari segi peruntukan untuk pembangunan Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada kerajaan pusat dan di zaman mutakhir ini, kalau Tuan Yang di-Pertua mengikuti akhbar, perkembangan politik di Kelantan, hari ini telah masuk kepada dimensi baru. Dimensi baru yang saya maksudkan, Menteri Besar Kelantan nampaknya membuat kenyataan akhir-akhir ini mahu bekerjasama dengan kerajaan pusat. Mula proaktif dalam melaksanakan dasar-dasar yang ditentukan oleh kerajaan pusat.

Saya hanya merujuk kepada kenyataan Menteri Besar. Sama ada kenyataan ini terbit dari hati nurani yang suci, yang ikhlas, daripada pemimpin

PAS Kelantan, atau tidak lebih daripada kenyataan politik, sebab mereka dalam keadaan yang tersepit sekarang ini kerana rakan mereka Semangat 46 yang menjadi penyokong kepada mereka akan meninggalkan mereka dan kembali kepada parti pemerintah UMNO tidak lama lagi. Oleh kerana mereka dalam keadaan kesempitan, maka mereka cuba mencari tempat ataupun hendak menyelamatkan diri, maka Menteri Besarnya, saya tengok membuat kenyataan yang akhir sekali saya tengok cukup bercelaru sehingga saya mengatakan Menteri Besar Kelantan ini sudah memang betul nyanyuk. Sudah betul-betul nyanyuk, nyanyuk senyanyuk-nyanyuknya.

Saya kaitkan perkara ini dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh sebab kerajaan pusat mesti diingatkan, sebarang peruntukan yang disalurkan kepada kerajaan negeri Kelantan nanti akan menjadi sia-sia dan rakyat akan terus berpecah-belah, Kelantan akan terus terpinggir dari segi pembangunan kalau kita tidak dapat tentukan dahulu hala tuju politik yang stabil yang boleh kita yakini untuk terus diberi bantuan. Saya tidak percaya kepada kerajaan PAS pimpinan Nik Aziz.

Tuan Yang di-Pertua, saya pernah mengatakan dahulu, seorang guru ataupun seorang ahli agama, tidak bererti ia boleh menjadi seorang pentadbir kepada sebuah negeri yang baik. Mentadbir sebuah masjid mungkin lebih mudah dan tidak semudah mentadbir sebuah negara. Mahir dari segi perundangan, dari segi ekonomi, dari segi segala hal, tidak cukup dengan kalau

semata-mata tahu dari segi tafsir ataupun mentafsir ayat-ayat Quran dan Hadis semata-mata. Itulah apa yang jadi di Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua, satu contoh yang saya hendak sebutkan di sini, bersabit dengan isu penswastaaan, bekalan air di Kelantan, yang disebutkan oleh Yang Berhormat Tuan Rahim Baba tadi. Isu ini besar. Saya pernah membangkitkan isu penswastaaan air Kelantan ini kepada Times Water - 2 tahun dahulu saya bercakap, malah dalam pilihan raya umum baru-baru ini pun saya bercakap. Waktu saya bercakap tidak ada siapa yang take-up that issue, tidak ada siapa yang response. Saya mendedahkan sudah lama, surat khabar pun tidak ambil kisah pada waktu itu dan saya tahu isu ini besar. Pada waktu itu mereka tidak berani menyentuh sebab kononnya ada pihak-pihak yang tidak boleh disentuh, bimbang, tetapi hari ini sudah terbongkar dan menjadi kenyataan.

Saya masih ingat lagi bila saya sebut cerita Kelantan Water Sdn. Bhd iaitu satu syarikat yang ditubuhkan di antara Times Water daripada London, memegang 70% dengan Yayasan Yakin - 30% iaitu projek penswastaaan air Kerajaan Kelantan yang dibuat oleh kerajaan PAS. Yang paling kelakar (joke of funny) ialah Menteri Besar Kelantan akhirnya mengakui bahawa dia menandatangani perjanjian penswastaaan ini di Istana, kononnya, dan beliau dipaksa menandatangani satu projek penswastaaan air sesudah makan sepinggan nasi. Kerana sepinggan nasi, menderita rakyat Kelantan bertahun-tahun

lamanya. Ini tok guru yang buat, ini yang saya kata, erti baca Hadis, erti tafsir al-Quran belum bererti dia boleh menjadi seorang pentadbir yang baik. Apa sudah jadi? Dengan sepinggan nasi, menggadai maruah negeri dan kepentingan rakyat. Berapa kalau dikira kerugian rakyat Kelantan dan kerajaan Kelantan? Beratus juta dalam tempoh 30 tahun ataupun 25 tahun perjanjian tersebut dibuat. Hendak dibatalkan sekarang ini, tentulah Tames Water akan mendakwa kerajaan Kelantan. Berapa banyak kerugian? Sampai rakyat hendak gali telaga, hendak mencari air sendiri pun kena bayar.

Yang anehnya dia ini disebut 'tok guru', disebut orang alim, kalau kita kenal tok guru, orang alim pejuang Islam di zaman-zaman nabi dahulu, zaman-zaman mujahid dahulu, hatta letak pedang di tekak, hatta letak senapang di kepala, kalau disuruh oleh raja, disuruh oleh siapa sahaja yang berkuasa, kalau diminta untuk taruh tandatangan, dan kalau dia tahu tandatangan itu boleh menggadaikan kepentingan rakyat, menggadaikan kepentingan negara, hatta nyawa dia tercabut, dia rela nyawa dia tercabut. Itu baru dikatakan pejuang Islam. Ini dengan nasi sepinggan, gadai negeri. Kalau di luar daripada Dewan ini memang saya mencarut dah ini. Ini saya hormatkan Dewan Negara, saya gunakan bahasa yang baik. Sebab itu kalau tanya saya, Menteri Besar Kelantan patut letak jawatan, patut letak jawatan sudah lama dah - dalam tempoh 24 jam - sebaik sahaja dia mengaku, dia kena letak jawatan.

Wakil PAS dalam Dewan Rakyat, kalau tidak kena sedikit dengan kerajaan pusat, kereta api tergelincir sedikit, kapal terbang terbabas, tayarnya masuk ke landasan tidak betul, dia suruh Menteri Pengangkutan letak jawatan - ingat atau tidak? Kalau rugi syarikat, ada kerugian dalam syarikat-syarikat yang ditaja oleh kerajaan, nah, menteri kena letak jawatan. Nik Aziz jawab, apabila Perbadanan Kemajuan Iktisas Kelantan rugi RM14 juta yang terlibat dalam perniagaan saham, dia kata, “sudah rugi hendak buat macam mana? Kalau orang lain pegang pun mungkin rugi juga”. Senang sahaja dia menjawab.

Yang saya hairan, hari ini dia bercakap macam ini, besok dia bercakap macam ini - selamba sahaja. Dengan serban dia, dengan janggut dia, relaks sahaja. Tetapi orang boleh percaya, ini yang menjadi masalahnya. Orang boleh percaya kepada percakapan beliau. Tengok, waktu Semangat 46 kata mereka hendak keluar dan masuk UMNO, Nik Aziz kata, “Saya seronok, sebab ini boleh menyelesaikan masalah saya”. Itu dia kata mula-mula. Selepas itu dia kata apa pula? “ oh, tidak boleh, kami berbeza pendapat dengan pemimpin Semangat 46 Pusat, bukan dengan negeri, walaupun kami boleh memerintah, tetapi kami perlu kepada Semangat 46, sebab kalau kami rumah, Semangat 46 ini macam paku” - dia hendak pula.

Kenyataan semalam, Nik Aziz juga bercakap, “kalau boleh bila orang Semangat 46 hendak letak jawatan?” Betul-betul gila. Jadi, kalau orang yang macam ini, yang sudah nyanyuk, yang mindanya sudah tidak stabil, bercelaru, macam mana kita boleh biarkan beliau ini terus menerajui sebuah kerajaan negeri yang kedudukan rakyat dalam keadaan “at stage”, Tuan Yang di-Pertua Kerajaan negeri Kelantan sudah tergadai kepada Tames Water, kerana perjanjian yang ditandatangani oleh seorang Menteri Besar yang tidak tahu

tugas dan fungsinya. Ini, kalau orang surat khabar tulis ini cukup cantik, tetapi maklum sahaja sebab Ibrahim Ali sebut - takkan dia hendak tulis. Tetapi ini isunya. Isu yang ada kaitan dengan kepentingan rakyat, dan kalau inilah lakunya kerajaan Kelantan dan sandiwara Menteri Besar Kelantan, bagaimana kita boleh mengharap peruntukan yang begitu besar yang diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh untuk diserahkan kepada mereka untuk dilaksanakan pembangunan negeri Kelantan.

Saya hendak minta Kerajaan Pusat berhati-hati dalam memberi peruntukan kepada mereka ini, kepada Kerajaan Negeri Kelantan, kita tahu bagaimana mereka menerima peruntukan Yayasan Islam Kelantan, tetapi sesudah mereka menerima peruntukan, bagaimana mereka menggunakan peruntukan itu? Kalau disebut memang panjanglah ceritanya, begitu juga yang lain-lain, maka pembangunan Kelantan boleh disalurkan melalui Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) dan JPP ini di bawah Jabatan Perdana Menteri dan saya harap Jabatan Perdana Menteri benar-benar terlibat secara langsung dalam erti kata mendapat maklumat yang tepat di mana saya berharap Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri sendiri selain daripada dipertanggungjawabkan kepada kementerian ataupun menteri-menteri lain, tetapi lebih penting supaya menentukan pembangunan Kelantan bukan sahaja berjalan dengan lancar tetapi dalam proses pembangunan ini, rakyat dan ahli-ahli perniagaan, pihak usahawan semua sekali diberi peranan, diagih peranan

mereka itu dengan secara adil dan tidak berkelompok pula oleh pihak-pihak tertentu.

Ini saya memberi teguran secara terbuka, walaupun tidak secara terperinci sebab saya tidak mahu menyinggung mana-mana pihak, cukup apa yang saya kata apa yang tersirat di sebalik apa yang telah saya sebutkan di dalam Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, memang dalam sistem demokrasi, dalam sistem kerajaan terbuka ini, tidak semudah kita bercakap, memang saya sedar tetapi memang kalau manusia ini semuanya jujur, dia mudah, kalau manusia ini semuanya bersih, hatinya putih, rambut sama-sama hitam macam kita akan lihat memang mudah tetapi memang kita tahu perasaan manusia, hati manusia ini lain walaupun rambut sama. Sebab itu kita lihat sekarang ini sesudah kita mencapai Rancangan Malaysia Keenam, negara kita makmur, pertumbuhan ekonomi 8.2% berturut-turut telah berapa tahun sudah, jadi agenda perjuangan negara kita sekarang ini sudah lagi tidak ditahap orang kata, rakyat memerlukan the basic need, keperluan asas sudah mencukupi. Kalau pun belum sedikit-sedikit sahaja lagi, kita tidak dengar rakyat negara kita mati kebuluran, kalau pun tidak ada rumah, rumah yang selesa tetapi ada juga rumah tempat mereka berteduh. Sekarang ini program rancangan rumah murah yang digerak sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri sehingga pada peringkat sekarang ini kita lihat, Tuan Yang di-Pertua, isu yang di hadapan kita sekarang ini, sebahagian rakyat

kita sekarang ini bukan lagi mengejar lebih sedikit, tetapi mengejar 'the glamorous need' kerana mengejar the glamorous need inilah berlaku pula pertembungan nilai. Bagaimana sebuah kereta tak cukup hendak dua buah kereta, bagaimana tak cukup sebuah kereta Mercedes 190 hendak S320. Bagaimana sekarang ini kita melihat rakyat yang sudah ada rumah, sudah mahu pula rumah yang lebih besar, inilah perjuangan untuk the glamorous need ini merupakan ancaman kepada ketahanan bangsa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya bersetuju asas yang paling utama dalam kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh ialah membina kekuatan akhlak dan moral rakyat negara kita. Tidak ada makna pencapaian ekonomi dan kita mengejar kebendaan hari ini kerana kita mengejar pembangunan sehingga sebahagian rakyat hari ini mungkin di kelas pertengahan dan di kelas atasan seolah-olah hidup membina kekayaan, membina rumah empire seolah-olah mereka tidak akan mati lagi. Sekarang ini kita sebut rakyat ini ada RM20 juta, ada RM30 juta, ada RM40 juta, perbezaan hidup di antara yang berada dengan tidak berada tidak hebat. Bagaimana sebuah kolam renang, harga kolam renang boleh membina sekurang-kurangnya 20 buah rumah untuk rakyat miskin. Kita lihat sebuah pangsapuri mewah harganya boleh membina sekurang-kurangnya 50 buah rumah untuk rakyat miskin. Sudah ada perbezaan, tetapi sistem ini yang dikatakan sistem ekonomi terbuka. Kita terima hakikatnya dan tak semua rakyat boleh jadi kaya tetapi

tinggal lagi jangan jarak perbezaan ini begitu jauh dan saya bimbang masalah segolongan manusia yang mengejar the glamorous need ini.

Mengejar the glamorous need sekarang ini yang menimbulkan persaingan sekarang ini cukup hebat, yang memungkinkan kalau berlaku rasuah penyalahgunaan kuasa ialah kerana sifat tamak kepada the glamorous need inilah sehingga peraturan dilanggar, sehingga dasar dilanggar, tidak ada pertimbangan akal budi, tidak ada lagi pertimbangan dan tanggungjawab kepada agama, menjadi perasuah-perasuahlah, menjadi penipu-penipulah asalkan matlamat mereka tercapai.

Hal ini kalau tidak dikawal dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh yang kita lihat peruntukan yang begitu besar, banyak lagi projek-projek yang akan dilaksanakan, baik saya ingatkan diri saya sebagai orang politik juga kita ingatkan kepada pegawai-pegawai kerajaan, bila berlaku krisis-krisis yang besar, bila terdedah satu-satu skandal yang besar ada pihak yang menuduh 'ini orang politik punya kerja'. Ada juga orang menuduh 'ini pegawai kerajaan punya kerja', tetapi terpulang kepada kes-kes.

Tuan Yang di-Pertua, kita juga lihat contoh, saya beri contoh, saya sebut secara umum sahaja. Baru-baru ini Menteri Pertahanan membuat pengumuman Kapal Terbang Pejuang F15 tentera kita akan dijual kerana kalau hendak dibaiki sparepartnya berharga RM500 juta. Harga sparepart lebih mahal daripada kapal terbang yang baru kalau kita beli. Waktu beli dahulu ketika kita bertanya di Dewan Rakyat, "Oh, segala-galanya sudah beres, kita ada jawatankuasa, kita telah teliti, pakar-pakar telah kita rujuk, semua ini telah kita

buat dengan cara transparent”, akhir sekali, nah, tersadai! Hendak baiki - RM500 juta.

Dahulu cerita Skyhawk yang terkandas di Arizona saya ingat dahulu, bagaimana dengan Skyhawk yang sekarang ini ada di Arizona, saya hendak tanya Kementerian Pertahanan. Tetapi moral daripada cerita ini, kenyataan daripada Menteri Pertahanan ialah kadang-kadang saya terfikir melihat kepada gaji Jeneral, gaji orang-orang besar, saya pun adalah bukunya bukankah kita Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara ada bukunya, tanggagaji mereka ini kita tahu dan mereka juga ada anak, kena bayar rumah, kena bayar kereta, kena bayar air, api, cuti keluar negeri, anak semua sekali ke mana mereka pergi dengan pendapatan yang mereka perolehi, kalau mereka puasa tiga empat tahun pun belum tentu mereka boleh buat kolam renang di rumah mereka. Tetapi tak mengapalah, apakah cara hidup mereka hari ini setengah-setengah pihak menggambarkan apa yang sebenarnya berlaku dalam Kementerian Pertahanan? That is my basic question, Tuan Yang di-Pertua.

Sebab, memanglah rasuah ini memang payah kita hendak mengambil tindakan tanpa bukti dan bukti pergi ke mahkamah jika hendak mendapatkan bukti cukup punya susah, mahkamah ini kalau bukti ‘a’ itu ‘a’, kalau ‘b’ itu ‘b’, sebab itu kita ada ISA, orang yang mengedar dadahkah, orang yang mengancam keselamatan negarakah payah hendak didakwa dimahkamah? Sekarang ini dunia canggih zaman internet, zaman komputer lagi tinggi ilmu lagi senang jadi penipu. Kita lihat skandal BMF dahulu yang menjadi sejarah negara kita seperti cerita Sumpah Mahsurilah dahulu, siapa yang melakukannya? Mereka yang terlibat, akhir sekali dibuktikan oleh mahkamah, siapa mereka yang lulus ACA, Chartered Accountant, siapa mereka yang ada kelulusan tinggi? Orang-orang yang ada jawatan, orang yang ada kuasa, yang ada ilmu, yang ada kelulusan tinggilah yang boleh merancang sehingga tindakan mereka dari segi undang-undang katanya halal tetapi dari segi moral masya-Allah, Tuhan sahaja

yang tahu, mereka menjawab di akhirat di hadapan Allah S.W.T. nanti, inilah isunya. Sebab saya percaya, negara kita boleh maju lagi ke depan kalau kita dapat membina selain daripada pembangunan infrastruktur, pembangunan ekonomi tetapi rakyat lahir dengan kekuatan moral dan akhlak yang betul-betul bersih.

Dan ini boleh dilaksanakan kalau kita di kalangan pemimpin termasuk orang politik, termasuk pegawai kerajaan sendiri di semua peringkat, jangan bersandiwara, tepuk dada tanya selera. Orang tahu, sebab saya juga berani bercakap, pernah juga duduk di dalam agensi-agensi yang kecil dan keputusan dibuat oleh pihak-pihak itu saya dapat merasa dan dapat melihat bagaimana kadang-kadang wayang ini dimainkan sehingga pihak-pihak yang patut diberi hak dan dibela hak mereka tidak terbela akibat daripada permainan kuasa seumpama ini.

Saya mesti meluahkan perkara seumpama ini sebab perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh, perbahasan Titah DiRaja ini, setahun sekali, lima tahun sekali, maka saya hanya menjalankan tanggungjawab saya apabila diberi amanah oleh Seri Paduka Baginda Yang diPertuan Agong, oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, mudah-mudahan saya terlepas daripada tanggungjawab saya sebagai seorang hamba Allah yang kerdil. Kita tidak boleh nafikan apa yang kita katakan tadi, sebab itulah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri berkali-kali, saya tengok Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana-mana sahaja dia berucap mestilah dia kait

dengan pembinaan ini, kalau hendak sebut panjang lagilah tetapi kalau kita menghayati benar-benar, tetapi yang menjadi masalah ada juga sebahagiannya yang bercakap bab Islam ini pun, mereka ini lebih hebat penipunya. Lakonan mereka lebih hebat, yang berselindung seperti di Kelantan yang saya sebutkan tadi, lagi hebat. Kalau orang lain, dia perli, dia tegur macam-macam tetapi kalau dia relax sahaja. Ini pun jenis manusia macam mana saya hendak definisi pun susahlah. Tetapi cukup saya sebut secara umum bahawa kita tahu, Allah Taala tahu, sebab malaikat ada di kanan, malaikat ada di kiri. Apa yang kita buat semua tahu, lambat laun akan terdedah.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut tadi, bersabit dengan kekuatan dari segi pengisian kekuatan bangsa Malaysia ini dalam kontek moral tadi kerana pembangunan Rancangan Malaysia Ketujuh akan berjalan dengan hebat dan kita lihat dalam Rancangan Malaysia Keenam dulu kita berjaya tetapi ada beberapa peristiwa yang menyayat hati kita termasuk cerita peristiwa terakhir iaitu Perwaja. Kilang besi yang mengalami kerugian berbilion ringgit tetapi kilang besi ini perlu, rugi tidak bererti kita tidak boleh pulih, ada juga waktu kita rugi kalau kita terpaksa buat, biar kita rugi demi kerana negara, rugi pun tidak apa! Macam kita belanja untuk pertahanan, kerana hendak jamin pertahanan negara kita belanja berapa banyak pun tidak apa! Demi maruah, demi keselamatan. Sama juga kilang besi dalam tempoh beberapa tahun, oleh kerana kita tidak ada pengalaman, tidak ada kilang besi, kita boleh buat! Tetapi

janganlah, yang kita sedih bila berlaku kerugian dan kerugian itu berlaku kerana penyelewengan. Kalau kerugian itu berlaku kerana lemah, kerana kurang pengalaman, kerana kilang yang kita ceburi ini seperti kilang besi ataupun apa-apa projek yang memerlukan belanja yang besar dan perlu mengambil masa yang lama, maka saya percaya kita boleh terima dan kita boleh maaf, at time we need to sacrifice, at time! Tetapi jangan kerana penyelewengan! Jangan kerana penyelewengan.

Sama seperti cerita MARA, Tuan Yang di-Pertua. Dalam surat khabar sebelum ini heboh, dalam surat khabar! Sehingga macam hendak runtuh MARA, macam-macam orang tulis, macam-macam orang bercakap. Atas tindakan bijak Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan, tubuh jawatankuasa audit dan jawatankuasa pengurusan. Buat kajian, akhir sekali sudah diumumkan laporan itu. Detail lagi tidak dengar, saya hanya ambil hanya setakat apa yang saya tahu dalam surat khabar, tidak ada penyelewengan, yang ada hanya kelemahan. Saya pun tidak tahu apa beza, lemah dengan penyeleweng saya sendiri pun tidak tahu. Bagaimana halatuju pada masa depan. Yang Berhormat Menteri telah jawab tetapi saya hendak menyebut supaya kadang-kadang kerana gimik ke atau sensasi, menimbulkan bermacam-macam interpretasi. Yang akhir sekali, tidak ada apa-apa pun! Ataupun adakah satu rombakan besar akan dibuat di MARA?

Ini pun saya bercakap sebagai anggota Dewan Negara. Saya mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh, saya hendak tahu! Kalau perlu kepada rombakan, buatlah rombakan. Bagaimana dengan kedudukan Ketua Pengarah MARA? Ketua Pengarah MARA yang selama ini dijadikan sasaran dan saya juga beri pandangan saya sewaktu dipanggil oleh Jawatankuasa Penyiasat sebab saya anggota majlis. Apakah sudah dengan setakat itu sahaja? Ini semua orang ingin tahu, saya pun hendak tahu dan saya tidak mahu tanya, saya tanya secara rasmi kerana semua ini ada kait, saya sebut ada dua tiga perkara. Tadi saya sebut hal Kementerian Pertahanan, kemudian saya sebut yang ini pula, entah ke depan tidak tahu mana lagi yang akan timbul.

Jadi, orang macam kita ini orang selalu pandang tidak beberapa bagus kerana kontrovesi, tetapi Alhamdulillah kita tidak ada isu. Saya, whatever comment people said, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah lama dalam politik, sudah lebih kurang hampir 15 tahun semenjak jadi pemimpin pelajar sampai sekarang, Insya-Allah I'm ready to be scrutinise in and out, di tempat mana saya bertugas, sebab itu saya berani bercakap dan saya pegang kepada prinsip saya dari dahulu sampai sekarang, idealisme saya, seperti yang dipegang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Guru saya dulu pun Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya bercakap pun lantang sampai sekarang ini sehingga kelantangan saya pula dianggap jadi penderhaka ataupun tidak sedap didengar.

Tetapi saya dibela dengan idealisme seumpama ini sebelum ini. Sebab itu saya bercakap pun sama. Begitu juga banyak lagi isu-isu lain yang kita timbulkan. Tadi disebut soal penswastaaan. Betul, ada projek-projek penswastaaan yang kita lakukan selama ini, kalau diberi kepada orang yang bertanggungjawab, Insya-Alah, hasilnya baik. Kalau diberi kepada orang yang kita tahu memang kerja dia mengejar kekayaan semata-mata, tidak ada social commitment, tunggulah padahnya.

Tengok projek IWK. Dahulu kita bercakap, 3 tahun dahulu kita sudah bercakap, Dewan Negara dulu saya sebut, akhir sekali saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, sudah pun mengarahkan IWK membuat kajian semula. Pengerusinya saya rasa sudah berhenti, jualkan saham, sudah beralih tangan. Saya tidak tahu betul atau tidak betul. Siapa yang menjadi pemilik pemegang saham IWK sekarang ini saya tidak tahu tetapi memang saya ucap tahniah, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah membuat kenyataan dan IWK pun telah keluar kenyataan hari ini dalam surat khabar. “Kami prihatin, begini, begini” advertisementnya, Tuan Yang di-Pertua tengok surat khabar? Jangan main advertisement sahaja, ini perang psikologi. Kadang-kadang advertising ini sebagai satu strategi juga. Kononnya dia prihatinlah, dia sudah dengar kritikan-kritikan, kita akan buat sesuatu, maka keluarlah dalam advertisement, keluar dalam TV, kita dengar pun sedap, ini sudah betul, tetapi rupa-rupanya macam itu juga. Ha, jaga-jaga!

Sebab itu saya hendak minta kepada kerajaan biar transparent betul-betul. Jangan bermain dengan iklan-iklan ini untuk mengaburi manakala kita lihat dari segi tuntutan bayaran, bil-bil kepada pengguna-pengguna seperti dulu lagi. Saya pun sudah terima di rumah saya dahulu. Tengok-tengok bil api RM100 lebih, bil pembetulan RM125, lebih banyak daripada api! Saya pun tanya juga, maaflah dengan izin, rupa-rupanya kita buang air lebih banyak daripada api, berapa banyak air yang kita buang tidak tahu! *[Ketawa]* Sampai bil sebanyak itu! Memang saya tidak bayar pun. Kebetulan pula ada arahan kita jangan bayar dan kita ada hak sebagai pengguna.

Samalah di Kelantan, saya berucap minggu lepas bersabit dengan hal penswastan air di Kelantan. Di tempat saya di Pasir Mas, kerana Nik Aziz telah tandatangan satu perjanjian yang kerana upah nasi sepinggan sudah takut ke, daripada RM6 ada rakyat bayar bil air sekarang ini kena bayar RM30, saya bercakap dalam perhimpunan itu. Saya kata jangan bayar, saya beritahu rakyat di kawasan saya jangan bayar, sebab soalnya tanggungjawab kita, saya bercakap sebagai pengguna, kalau tidak bayar air dipotong, potonglah hendak buat macam mana, saya tidak mahu bayar, ini prinsip! Ini perah darah, ini hisap darah, mana boleh sama juga dengan IWK. Alhamdulillah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sudah ambil tindakan. Saya hendak tahu hasilnya. Hasilnya kita hendak tahu. Sekurang-kurangnya arahan telah dibuat supaya berhenti mengenakan tuntutan itu sehingga mekanisme dan peraturan baru dibuat terutamanya bagi mereka di kawasan-kawasan yang belum lagi pihak IWK belum masuk lagi dari segi tanggungjawab mereka mengendalikan projek pembetulan, takkanlah sekarang sudah kena bayar. Jadi, itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut soal IWK.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menyentuh isu pendidikan. Agenda negara kita selain daripada isu yang saya sebutkan tadi, itu

adalah isu-isu semasa, tetapi agenda yang paling utama ialah hal pendidikan. Pendidikan akan menentukan sama ada kita ini berjaya atau tidak menuju Wawasan 2020, bukan sahaja berjaya dalam Wawasan 2020 di mana negara kita menjadi negara maju, tetapi rakyat kita juga maju.

Bila sebut sahaja negara kita maju, maknanya 100% rakyat kita tidak lagi berada dalam kemiskinan pada tahun 2020. Jangan kita kata maju, tetapi pada tahun 2020 ada lagi rakyat di kawasan luar bandar seperti sekarang keluarganya masih lagi tidak berumah, jalan di hadapan rumah mereka masih lagi lecek, ada lagi anak-anak yang tidak dapat pendidikan yang cukup.

Apabila kita sebut negara maju pada tahun 2020, kita harap anak-anak muda kita pada tahun 2020 bila kita tengok di pusat serenti angkanya kurang, bila sampai tahun 2020 kita tengok rakyat kita dalam pusat pemulihan akhlak angkanya kurang. Bila sampai tahun 2020 kita tengok angka di Pudu Jel - kurang, betul tak begitu? Bila sampai tahun 2020, kita tengok angka atau bilangan kemalangan di jalan raya kurang.

Saya hendak supaya kiraan kejayaan tahun 2020 nanti bukan sahaja dari segi pencapaian peratus pertumbuhan ekonomi, tetapi pada masa yang sama mencerminkan kejayaan dalam erti kata yang sebenar. Satu tamadun pembangunan manusia yang tidak ada tandingannya? Tidak begitu Yang Berhormat Dato' Mat? *[kepada Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]*

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhammad bin Abdullah]: *[Mengangguk kepala]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ha! dia setuju - Alhamdulillah. Tidak ada ertinya kita boleh isytihar negara kita maju tahun 2020, tetapi pusat serenti makin banyak, pusat pemulihan dadah makin banyak, hospital perlu ditambah sebab terlalu ramai yang mati di jalan raya. Penjara-penjara perlu ditambah sebab makin ramai orang yang masuk ke penjara, kerana rasuah, kerana penyalahgunaan kuasa, kerana menipu, kerana mencuri, kerana merompak. Tidak ada makna kita mencapai negara maju pada tahun 2020 kalau angka-angka ini turut meningkat. Betul tak?

Tuan Ding Seling: *[Menganggukkan kepala]*

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Ha! betul. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kata betul, bukan saya kata “betul”. Saya memang kata “betul”. Jadi, di mana asasnya? Asasnya ialah peranan pendidikan - sebahagian dan selain daripada peranan lain kita semua bertanggungjawab, tetapi pendidikan ini penting. Saya berharaplah kalau dahulu kita kurang memberi perhatian kepada pendidikan agama, bantuan kurang untuk membantu sekolah-sekolah agama rakyat, sekolah Arab ataupun pendidikan agama tidak cukup. Di sekolah-sekolah formal ini, sekolah rendah, sekolah menengah, Yang Berhormat Menteri Pendidikan sudah bercakap cuma saya hendak menokok-tambah, hendak peringat sahaja - mesti dilipatgandakan.

Begitu juga dalam usaha hendak mengimbangi dari segi tenaga mahir rakyat negara kita supaya perbezaan di antara kaum dapat kita rapatkan lagi. Sebab sesudah Dasar Ekonomi Baru tamat, kalau kita lihat angka tahun lepas pun Tuan Yang di-Pertua, waktu Belanjawan 1995, dahulu pun kita lihat angka atau bilangan bumiputera di dalam bidang pendidikan ikhtisas, profesional masih lagi kurang, terlalu kurang. Bilangan arkitek - kurang, bilangan - kurang, semuanya kurang, kurang - kurang - kurang. Manakala kita lihat pencapaian bumiputera khususnya anak-anak Melayu di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah, walaupun sudah ada cemerlang di peringkat PMR, SPM ataupun STPM, tetapi seorang, dua orang.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Pendidikan mengumumkan keputusan di rumah salah seorang pelajar yang lulus semuanya 'A' di peringkat STPM - seorang. Tetapi yang istimewanya dia ini anak orang miskin, tetapi boleh dapat semua 'A', anak orang besar sekarang ini, tidak semua dapat 'A'. Walaupun pergi ke sekolah bawa telefon, walaupun pergi ke sekolah dengan kereta Mercedes, ada drebar, tetapi tidak semua dapat 'A', walaupun tiap-tiap tahun ibu bapa bawa pergi melancung ke Orlando, ke Brisbane tetapi tidak dapat 'A'. Ini cerita seronok juga. - tidak dapat 'A'. Ini yang dapat 'A' tidak ramai - tidak ramai, seorang, dua orang. Jadi, kelulusan anak-anak Melayu dalam bidang matematik, sains ini kurang - tidak banyak lagi.

Kita juga sudah membuat dasar pendidikan terbuka. Sekarang ini sesiapa hendak tukar universiti sudah boleh. Dahulu payah, Tuan Yang di-Pertua, bila MCA hendak menubuhkan Universiti Merdeka - perang dahulu. Saya mengaku juga, saya dahulu melawan, hari ini tidak ada masalah lagi, Universiti Dato' Mat, Universiti Azmi Khalid, Universiti Dr Saleh, bubuh nama sahajalah, selepas itu kursus apa hendak buat, siapa hendak masuk - masuklah, tidak menjadi hal. Tetapi kita ada peraturan, kita ada dasar, cuma tinggal lagi jurang perbezaan ini penting, kerana ianya akan menjamin kestabilan dan perpaduan negara masa depan.

Saya ingin bertanya Kementerian Pendidikan rancangan untuk dijadikan ITM sebagai universiti, sudah diumumkan bila perkara ini akan dibuat dan saya harap dibuat secepat mungkin?

Tuan Yang di-Pertua, dahulu saya pernah membuat kecoh, saya mengaku saya membuat kecoh sewaktu saya menjadi pelajar di ITM pada tahun 1974. Waktu itu saya menjadi Presiden Pelajar ITM (Presiden Kesatuan Siswa ITM), sesiapa yang lepasan ITM pada tahun 1974 tentu masih ingat. Waktu itu berlaku tunjuk perasaan kerana menuntut taraf universiti. Saya menjadi Presiden Pelajar dan saya bertanggungjawab, saya mengakuilah mungkin tindakan yang kita buat pada waktu itu menyalahi undang-undang, sehingga pelajar bertindak menunjuk perasaan sehingga ITM ditutup sebulan, akhir

sekali diploma keluaran ITM diiktiraf setaraf dengan universiti. Tetapi ITM kekal pada status yang sama.

Kita nampak 20 tahun dahulu, waktu itu kita mencadang ITM memulakan kursus Sekolah Kejuruteraan (School of Engineering) - bukan main susah, pihak-pihak tertentu ada menghalang, ini second class institution, ini tidak ada upaya, itulah, inilah, sehingga pada masa itu pengarah ITM hampir-hampir hendak berhenti, nasib baik campur tangan Allahyarham Tun Dr. Ismail - saya masih ingat lagi. Akhir sekali tengok School of Engineering di ITM berapa ratuskah mengeluarkan graduan anak-anak Melayu dalam bidang kejuruteraan? Ramai. Selepas daripada ITM pergi ke UK, pergi ke Amerika dengan 1st class degree - Universiti Malaya, bukan main, the olders university, ada pula pakar-pakar universiti bentang kertas kerja. Sekarang ini mengkritik kerajaan, tengok anak Melayu kurang dalam bidang sains dan teknologi.

Saya baca kertas kerja - ada, tetapi saya tidak hendak sebut nama, profesor kononnya, dahulu diberi tanggungjawab, tetapi orang ini yang diberi tanggungjawab ini untuk mengendalikan institusi-institusi ini, orang yang sama tidak bersetuju Universiti Malaya dahulu, setahun hanya seorang anak Melayu - Yang Berhormat Dato' Muhamad - seorang. Hari graduan Universiti Malaya kita baca surat khabar - 'Graduate Universiti Malaya dalam bidang kejuruteraan - seorang' kadang-kadang tidak ada. Diploma dari ITM - 20

orang, 30 orang, 40 orang hantar ke United Kingdom selama dua tahun dan mendapat 1st class degree dari University of League Engineering.

Hari ini cuba kita tengok berapa ramai di Petronas? Berapa ramai sekarang ini dalam bidang accountancy? Sepatutnya dahulu ITM kalau dibenarkan dibuka fakulti perubatan pun sudah ramai anak Melayu menjadi doktor, tidak payah riuh hendak mencari doktor, sebab apa? Kerana bidang.

Oleh sebab itu, saya hendak minta ITM dan fungsi ITM tidak akan terjejas pada matlamat asal. Kita cadang Kampus di Shah Alam dijadikan universiti, di negeri-negeri semua tubuh cawangan ITM, tetapi yang mengendalikan kursus di peringkat diploma.

Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar ini juga saya hendak beritahu dan saya hendak sebut juga, kadang-kadang kalau dapat 3rd grade SPM ataupun rendah di peringkat SPM, tetapi given the opportunity, dengan izin, untuk mendapat pendidikan tinggi, kadang-kadang ada juga pelajar-pelajar yang latar belakang kelulusannya di tahap ini dapat kelulusan lebih cemerlang daripada yang sebelum ini, dikira pelajar-pelajar cerdas. Ramai anak-anak Melayu yang dahulu dapat 3rd grade SPM, 2nd grade ataupun tidak pandai bahasa Inggeris masuk ITM dapat Ph.D.

Dahulu latar belakang third grad. Sudah banyak, Tuan Yang di-Pertua, memang hebat-hebat. Pengurus Besar Bursa Saham Kuala Lumpur, Dato' Dr. Salleh Majid, itu ITM graduate. Banyak lagi doktor-doktor. Banyak sudah hasil rakan-rakan daripada siswazah ITM. Patut sudah lama jadi universiti.

Tiap-tiap negeri, Kelantan ada ITM, Pahang ada ITM, seluruhnya kita ada 13 cawangan. Bawa masuk seramai yang boleh. Tak cukup peruntukan, kita tambah peruntukan. Lepas itu, pada masa yang sama kita galak juga lebih banyak pihak swasta tubuh institusi seperti yang ada sekarang ini, tak ada masalah, sebab kita mahu setiap rakyat dapat pendidikan. 'The right of education' ini adalah menjadi hak kepada semua rakyat. Cuma saya bercakap ini untuk kepentingan pelajar-pelajar bumiputera Melayu kita yang masih ramai ketinggalan dan jurangnya begitu jauh perbezaan, dan cara hendak mengatasi, kerajaan mesti membantu dua-tiga kali ganda daripada sekarang. Antaranya, saya cadangkan cara menaikkan taraf ITM kepada taraf sebagai universiti dan juga menjalankan 'twin-programme', ijazah bersama, joint-programme dengan universiti-universiti luar yang terlibat oleh macam-macam pihak swasta sekarang ini, Sunway College, Metropolitan College, KJU College, Rima College, Stamford College - sudah jadi universiti saya dengar. Banyak lagi nak jadi universiti. Saham-saham pun sudah hendak naik.

Tetapi ITM macam mana? Peruntukan macam mana. Saya dengar dahulu kalau masuk ITM dahulu banyak pelajar-pelajar bukan sahaja masuk percuma, duit poket pun dapat. Sekarang ini pun banyak sudah kena bayar. Orang-orang kampung sudah tak boleh bayar. Saya tahu sebab saya jadi ketua bahagian, kita orang politik, bila musim sekolah ada sahaja ibu bapa datang, 'ini anak saya hendak masuk ITM'. Saya kata, apa masalahnya? Ini hendak

kena bayar RM200, RM300 duit yuran. Tambah lagi buku, pinjaman pun lambat. Kitalah cari RM50.00, RM100.00. Kita bukan korporat. Kalau saya ada IWK tak mengapalah, hantar bil-bil seronok-seronok sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: RM100.00 pun tak ada?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: RM100.00 adalah. Tetapi kalau sudah ramai, Tuan Yang di-Pertua. Bukannya sedikit. Kalau sedikit, tak mengapalah. Ini tak masuk kenduri orang kahwin lagi. Orang kahwin musim cuti sekolah, Tuan Yang di-Pertua, sampai 40 satu hari. Kahwin nak buat macam mana? Ini benda baik, memang benda sudah jadi biasa bila cukup umur kena kahwin.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Ibrahim macam mana?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya sudah kahwin. [*Ketawa*] Tak mahu lagi. Itu yang kenduri kahwin satu hal. Campur orang sakit lagi, orang meninggal lagi kena ziarah juga. Lepas itu musim sekolah pula. Musim orang naik haji, kendak tak hendak sebagai pemimpin kalau tak boleh banyak pun ketayap pun kena bagi. Sekurang-kurangnya ada doanya, Tuan Yang di-Pertua. Payah, Tuan Yang di-Pertua, orang macam saya ini, teruk.

Tuan Yang di-Pertua: Memang betul.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Memang teruk. Tetapi tak mengapalah. Saya sebut balik hal pendidikan tadi. Saya mintalah, saya sungguh-sungguh minta supaya Kementerian Pendidikan tahu prioritynya. Saya tengok dua priority Kementerian Pendidikan, supaya menjadi negara kita pusat pendidikan

antarabangsa, pusat pendidikan yang berkualiti, ada kelas, ada standard, tetapi dua saya minta. Satu, kemajuan pendidikan anak bangsa terutamanya orang Melayu dalam bidang-bidang terpilih, terutamanya dalam bidang profesional mesti dijadikan agenda utama. Dan juga bagaimana hendak menentukan anak-anak Melayu di peringkat sekolah rendah supaya pendidikan dan kelulusan mereka, kecemerlangan dalam mendapat 8A, 10A ditingkatkan. Boleh, orang Melayu boleh kalau diberi kemudahan dan diberi latihan.

Di Pasir Mas, kawasan saya banyak lagi kekurangan, cukup banyak. Usah hendak bercakap soal sekolah ada hawa dingin, kipas pun tak ada lagi, bangku pun tak cukup, air pun air kuning ada lagi di kampung-kampung. Belum cukup air, masuk tandas pun kotor, buku-buku pun outdated. Sekarang ini zaman Internet. Tetapi anak-anak orang kaya yang tauke-tauke besar. Macam anak Tuan Yang di-Pertuakah, anak sayakah tak mengapalah.

Tuan Yang di-Pertua: Anak Datuk Ibrahimlah.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Anak saya, tak mengapalah. Anak-anak orang kaya tak mengapalah, boleh hantar sekolah-sekolah baik. Orang kampung macam mana? Tetapi orang bandar sekarang ini atau sesetengah sudah tak ingat, sebab dia jarang balik kampung. Saya balik lagi, Tuan Yang di-Pertua. Jiwa masih lagi jiwa perjuangan, masih kental. Sebab itu bila saya tengok orang-orang miskin, orang yang daif, anak-anak yang belum lagi, ibu bapa yang memang teruk, saya tengok, tak payah pergi Sarawaklah. Tak payah

jauh. Mungkin di kawasan sesetengah kampung saya boleh sebutkan kampung-kampung itu, pergi tengok. Kadang-kadang kalau kita betul-betul manusia yang mempunyai sifat perikemanusiaan yang tinggi, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, if we are really our feeling of humanitarian, semangat kemanusiaan yang tinggi, sebagai seorang pejuang, waktu kadang-kadang kalau kita duduk dekat kolam renang Hilton Hotel, kita order steak, kita order.....

Tuan Yang di-Pertua: Ini pengalaman Datuk Ibrahim?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Bila kita tengok.....

Tuan Yang di-Pertua: Pengalaman Datuk Ibrahim duduk tepi kolam?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Member ajak pergi makan, saya pergilah.

[Ketawa] Saya duduk dekat kolam renang, tengok dekat kolam renang kita pun terbayang balik di kampung. Memang terbayang, teringat, sebab kita hari-hari bergelumang, kita dapat rasa, kita dapat lihat kalau kita ada sifat kemanusiaan yang tinggi. Saya tengok memang banyak kekurangan lagi di luar bandar. Walaupun kita hitung, hitung, hitung, peruntukan Rancangan Malaysia Ketujuh, bidang pendidikan, macam-macam kementerian, masing-masing ada peruntukan yang memang secara tak langsung sampai ke luar bandar. Maka dikira peruntukan ke luar bandar sekian peratus, masih jumlah besar. Tetapi realitinya saya tengok tak banyak, makin kurang.

Jadi, sebab itulah saya berharap dalam kita melaksanakan Rancangan Malaysia Ketujuh, pihak kerajaan akan membentang Belanjawan negara tiap-

tiap tahun. Ini rancangan umum Rancangan Malaysia Ketujuh. Tetapi pelaksanaannya tahun demi tahun dalam tempoh lima tahun melalui belanjawan setiap tahun. Dengan belanjawan setiap tahun, memang terpulang kepada pihak perancang ekonomi, Kementerian Kewangan berunding dengan kementerian-kementerian, macam-macamlah, proses biasalah. Tetapi jangan lupa, saya katakan tadi bila kita capai tahun 2020, biarlah segala-galanya kita sebut kejayaan negara kita berjaya, berjaya dalam erti kata yang sebenar. Saya pun tak hendak kalau katakan keluarga saya berjaya, anak 10; 7 di universiti, 3 dekat Pudu Jail, tak mahulah. Anak 10; 2 di universiti, 2 di pusat Serenti, tak mahulah. Berjaya terus berjaya sungguh-sungguh.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau seorang ke Kamunting, macam mana?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Kamunting tak mengapa. Itu perjuangan politik. Macam saya dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim dahulu. *[Ketawa]* Itu jarang anak Melayu. Sudah dua kali saya masuk, masih macam biasa, fasal barang asli. *[Ketawa]* Bukan barang tiruan. Kalau barang tiruan 'hancai' sudah lama. Fasal barang asli, dia....

Tuan Yim Chee Chong: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Yim minta laluan. *[Ketawa]*

Tuan Yim Chee Chong: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta laluan tentang dua kali masuk. Bolehkah Tuan Ibrahim beritahu kenapa dua

kali masuk, dan apa pengalaman di situ? Macam mana hari ini jadi Ahli Dewan Rakyat, kemudian jadi Ahli Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua: Sama-samalah itu.

Tuan Yim Chee Chong: Sama-sama saya. Saya pun ada masuk juga. *[Ketawa]* Kita sama-sama, orang Putih kata dalam satu bot yang sama. Betul juga saya masuk di bawah ISA dan ditahan di lokap Seremban selama 41 hari. Saya ingat saya berjuang untuk rakyat, tetapi Special Branch dia salah tangkap orang. *[Ketawa]* Saya yang kena susah. Ayah saya oleh kerana selalu ingat saya, dia pun mati kerana sakit jantung, heart attack. Jadi, saya pun rugi besar juga berjuang untuk rakyat. Saya tak tahu macam mana perasaan Yang Berhormat. Bolehkah tolong jelaskan di Dewan yang mulia ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, silakan. *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya dahulu masuk ISA sebab saya tahu, bila seseorang itu kena tangkap oleh ISA, dia ditangkap kerana pihak keselamatan berpendapat orang ini merbahaya kepada ancaman keselamatan dalam negeri. Jadi, polis buat keputusan begitu, saya terima sahajalah. Saya tak mahu komen, sebab mereka menganggap saya boleh mengancam keselamatan negara pada tahun 1974 kerana isu kemiskinan di Baling, apabila pelajar-pelajar universiti turut serta dengan rakyat di Baling bangkit dan mengadakan tunjuk perasaan, saya ingat lagi di waktu itu harga getah murah.

Maka timbullah keadaan yang tegang dan mungkin pihak keselamatan berpendapat walaupun isu yang dibawa oleh pelajar universiti ini betul, tetapi kalau tidak dikawal keadaannya, pihak lain boleh menanggung di air keruh,

negara kita boleh menjadi huru hara, maka pelajar bertindak di bawah ISA. Saya tidak menyalahkan kerajaan, sebab saya bertindak atas isu, tetapi bila tindakan yang kita buat boleh mengancam keselamatan negara, tetapi bagi pejuang yang tulen, walaupun dia diambil tindakan dia tidak kompelin. Ada orang - macam PAS, apa guna ISA, DAP nampak ISA, jadi, hendak berjuang takut. Kalau hendak berjuang jangan takut kepada ISA. ISA, ISA, itu tugas pihak keselamatan dan saya percaya pihak keselamatan membuat keputusan pun mengambil kira semua aspek, bukan one man decision.

Kali yang kedua, mengenai dengan isu hal ketuanan Melayu, yang kecoh-kecoh dahulu, yang boleh menimbulkan perkauman dan saya kira satu tindakan yang bijak, apabila kerajaan mengambil tindakan untuk meredakan keadaan, bukan zalim, meredakan keadaan, walaupun saya dahulu tidak terlibat. Saya pun tidak tahu sebab apa saya kena kali yang kedua, selepas balik dari Dewan Rakyat saya dok seronok-seronok, besok polis datang ke rumah mengambil saya. Saya kata, apa fasal? Saya tidak ada kena-mengena pun pada waktu itu, tetapi oleh sebab dia tengok saya pada waktu itu still a potential man to create a problem .

Tuan Yang di-Pertua: Tahun berapa itu? 1986?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tahun 1987, saya tidak kompelin. Sayalah jenis manusia, insya-Allah, buatlah apa-apa, saya tidak kompelin. Saya hendak kritik orang, saya kritik, tetapi orang kritik saya, saya tidak kisah, tetapi

ada orang dia kritik saya tidak apa, tetapi bila saya bantai dia balik dia tidak tahan - ini memang tidak boleh menjadi pejuang, tidak boleh menjadi pemimpin, dia kena two ways traffic - betul atau tidak? Saya cukup setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Seremban, dahulu bersama dengan saya di dalam Dewan Rakyat, betul tidak? Kena ISA juga dia ini. *[Ketawa]*

Orang yang masuk ISA ini memang sudah teruji setakat inilah, selepas itu tidak tahulah. Tengok Timbalan Perdana Menteri kita, juga melalui proses yang sama dan saya percaya ianya adalah latihan dan saya tidak ada kompelin apa-apa. Dan sampai hari ini pun saya pertahankan ISA - betul, ikhlas. Selepas saya keluar dahulu, buat kali pertama dan kali yang kedua, saya tahu, dari segi bahayanya, kita dalam sebuah negara demokrasi, kita hendak menyuarakan pendapat. Jika ada idealisme dan pada masa yang sama, kita hendak jaga perpaduan politik negara. Musuh dalaman ada, musuh luar dan tunggu hendak tengok negara kita hancur. Tengoklah - in betweenlah kata, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi walau macam mana pun, alhamdulillah, kita tengok tidak ada negara yang lebih baik daripada negara kita Malaysia - betul. Roundlah seluruh dunia, tengok sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Orang Kelantan kata ada kelas.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Ada class, ada standard.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Hendak minta laluan? Sila.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mendapatkan penjelasan daripada Datuk Haji Ibrahim Ali. Apakah Datuk Haji Ibrahim merasakan bahawa mereka yang telah pun ditangkap di bawah ISA itu sebagai seorang patriotik dan boleh dibanggakan di negara ini? *[Ketawa]*

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tidak juga, Tuan Yang di-Pertua. Kita tengok juga orang-orangnya. Sementara itu kita tengok macam orang-orang PAS - Mohamad Sabu, Karpal Singh - itu tidak patriotik, itu kacau bilau. *[Ketawa]*. Jangan silap orang pula, sebab yang masuk jel ini ramai, di Pudu pun ramai, orang masuk jel kerana dadah, orang masuk jel kerana mencuri, merompak, rasuah - ramai - yang masuk jel selalulah, ada pula itu hendak masuk kerana dia gimik, dia hero, tetapi tidak genuine. Setakat yang genuine saya tengok tidak ramailah macam Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, yang dok bercakap sekarang ini - minta maaf, seronok bergurau. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, jadi, saya rasa, saya sudah ambil masa yang tidaklah kata panjang juga, tetapi tidaklah pendek, tetapi saya sudah menyampaikan secara umum pandangan saya dalam Perbahasan Rancangan Malaysia Ketujuh ini dan saya haraplah perkara-perkara dan teguran-teguran yang saya bangkitkan tadi mendapat perhatian di pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya lupa hendak sebut satu lagi, terutamanya, saya hendak merujuk kepada Kementerian Pertanian - saya lupa tadi, minta

maaf. Hujung tahun ini pada bulan November, kalau tidak silap saya ada persidangan “another world summit” - Persidangan Ketua-ketua Kerajaan mengenai dengan makanan “Food Security” di Rome anjuran Bangsa-bangsa Bersatu. Ini samalah dengan Persidangan Earth Summit di Rio de Janeiro pada tahun 1992, Persidangan Population and Development - Penduduk dan Pembangunan di Cairo dan disusuli dengan Persidangan Summit on Social Development - Pembangunan Sosial di Conpenhagen, dan semua persidangan ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menjadi perhatian utama, menjadi jurucakap, jurubicara kepada negara-negara membangun, dunia ketiga, Negara Selatan, Dunia Islam dan sekali lagi Ketua-ketua Kerajaan akan bertemu kali ini isunya food security.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan di sini ialah saya hendak minta pihak kerajaan supaya persidangan kali ini kalau boleh delegasi Malaysia ke persidangan Ketua-ketua kerajaan sedunia ini diramaikan sedikit perwakilan di kalangan anggota Dewan Rakyat dan anggota Dewan Negara - iaitu Ahli-ahli Parlimen. Kalau tidak Ahli-ahli Parlimen biasa pun, lebih ramainya ialah Menteri-menterikah, Timbalan Menterikah, Setiausaha Parlimenkah, tetapi statusnya Ahli Parlimen, Ahli Dewan Rakyat. Sebab saya tengok negara-negara lain, perwakilan sampai 50 - 60 orang, satu kontinjen besar. Kita 10 - 15 orang, itu pun satu, dua orang Ahli Parlimen. Sebenarnya

persidangan ini membabitkan Ahli-ahli Parlimen, sebab persidangan ini penting.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau satu, dua orang Ahli Parlimen, yang lain itu siapa?

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Saya pun tidak tahulah, tetapi saya pergilah, kalau saya tidak boleh pergi saya akan cari jalan pergi, memang saya seronok hadir persidangan, sebab persidangan ketua-ketua kerajaan seumpama ini, dia menghimpun, bukan sahaja ketua-ketua kerajaan, tetapi sebelum persidangan itu NGO's sampai lima, enam, tujuh ribu di seluruh dunia berhimpun dan NGO ini termasuk juga Ahli-ahli Parlimen di waktu persidangan tersebut.

Jadi, di waktu itu kita dapat bertemu dengan banyak pihak NGO dan dasar atau polisi luar negara kita sekarang ini ialah kita aktif di peringkat antarabangsa sebagaimana yang dituju oleh Perdana Menteri kita. Dan sekarang ini pun sudah ada globalisation, jadi, biarlah fungsi dan peranan Ahli Parlimen ini lebih hebat lagi supaya bila ada persidangan seumpama ini, selain dari Perdana Menteri, Ahli-ahli Parlimen kita bertemu dengan Ahli Parlimen Brazil, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen, Ahli Parlimen berjumpa dengan Ahli-ahli Parlimen Argentina, jadi, ada keep-closed dalam pertemuan ini - dua hala dengan Ahli-ahli NGO, insya-Allah, negara kita akan lebih hebat.

Ini saya hendak mintalah supaya delegasi di kalangan Ahli-ahli Parlimen ini ditambah. Tidak boleh masuk dalam dewan pun tidak apa, sebab Dewan Persidangan Ketua-ketua Kerajaan sekali masuk 4 orang atau 5 orang, Perdana Menteri, Menteri, Ketua Setiausaha, tetapi yang lain tidak apalah, Ahli-ahli Parlimen bawa pergilah, duduk di luar pun tidak apalah. Saya pergi pun duduk di luar sahaja, alih-alih saya tunjuk perasaan di luar - jadi, apa halnya? Boleh bercakap dengan NGO dan dengan Ahli-ahli Parlimen yang lain, kalau ada orang kritik negara kita, kita boleh tolong jawab, waktu perbincangan contact-group di antara lain-lain negara kita cukup aktif, jadi ianya memberi kebaikan kepada negara kita.

Saya haraplah supaya jumlah Ahli-ahli Parlimen ini di tambah untuk persidangan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf saya terlupa tadi. Jadi, yang lain-lain saya rasa tidak ada apa dan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu Rancangan Malaysia Ketujuh, mudah-mudahan negara kita terus maju jaya, aman makmur, selamat dunia dan akhirat. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Puan Hajah Zaleha.

5.18 ptg.

Puan Hajah Zaleha binti Hussin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan mengenai

Rancangan Malaysia Ketujuh. Saya sungguh berbangga kerana kerajaan Malaysia yang berteraskan Barisan Nasional yang telah pun berjaya, bukan sahaja dalam melaksanakan, yang akan datang, Rancangan Malaysia Ketujuh, tetapi telah pun berjaya di dalam menjayakan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan ini adalah berteraskan kepada tiga teras utama yang besar iaitu pertama, di atas kebijaksanaan kerajaan yang memerintah di hari ini iaitu kerajaan yang berteraskan kerajaan Barisan Nasional.

Kedua, kerana kesetiaan dan ketekunan pegawai-pegawai kerajaan dalam merealisasikan kesemua rancangan Malaysia Pertama, Kedua, Ketiga, Keempat, Kelima dan Keenam hatta Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Yang ketiga, keadilan yang telah ditunjukkan oleh kerajaan dalam mengimplementasikan Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Saya juga turut berbangga kerana teras yang menjadi tunggak kepada Rancangan Malaysia Ketujuh ini ialah membasmi kemiskinan dan menghapuskan terus golongan termiskin dan sekarang inipun kadar kemiskinan telah turun 3.9% kepada 2.1%, syukur kepada Allah dan saya berterima kasih kepada kerajaan yang telah berjaya menjalankan tanggungjawabnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan bahawa kemiskinan masih wujud di dalam masyarakat kita sama ada di kalangan masyarakat luar

bandar atau masyarakat bandar. Oleh sebab itulah, kita mengalu-alukan pelbagai usaha yang dijalankan oleh kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ketujuh untuk membasmi permasalahan ini daripada terus berakar umbi dan seterusnya menjadi barah yang sukar untuk dirawat. Melalui Rancangan Malaysia Ketujuh, kita mengalu-alukan kehadiran serta penampilan para pemimpin yang benar-benar mempunyai kekuatan intelektual dan ketajaman daya analisis.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan supaya penyertaan pihak swasta atau badan korporat lain diperlukan untuk membantu kerajaan dalam mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi masalah kemiskinan.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin usaha bersistematik yang selaras dengan kemampuan kedua-dua pihak mampu memecahkan kebuntuan segolongan masyarakat yang masih terperangkap dalam kepompong kemiskinan. Saya mengharapkan agar kita sebagai rakyat yang matang dalam hal ehwal pembangunan negara turut sama-sama berganding bahu dengan pihak kerajaan serta agensi-agensi lain yang turut serta membanteras kadar kemiskinan negara daripada terus meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya tertarik kepada apa yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri, yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuhnya semalam mengenai

kerajaan akan melaksanakan suatu perkara yang pada saya mempunyai risikonya, mengenai subsidi akan ditarik secara berperingkat-peringkat.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada pihak kerajaan untuk melaksanakan perkara yang demikian, apakah kerajaan telah bersiap sedia untuk menjadikan pihak rakyat yang sedang menerima subsidi pada hari ini benar-benar dapat menerima perkara yang telah pun disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri itu.

Saya juga berpandangan bahawa penerusan usaha membasmi kemiskinan tidak harus semata-mata terhad dalam usaha mengatasi kemiskinan mutlak sahaja. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian apakah kerajaan juga telah menumpukan perhatian kepada pengurangan perbezaan kemiskinan relatif.

Tuan Yang di-Pertua, dalam konteks ini, penumpuan harus diberi kepada peningkatan kedudukan ekonomi golongan 40% terbawah dalam agihan pendapatan negara. Kerajaan juga perlu memberi perhatian termasuklah langkah-langkah yang dapat memperbaiki golongan berpendapatan rendah dari segi sumber pengeluaran seperti tanah, kredit, peralatan pengeluaran dan dari segi sumber manusia.

Memandangkan bahawa negara akan menjadi negara perindustrian, majoriti tenaga buruhnya terlibat dalam perindustrian maka paras upah yang diterima oleh kaum pekerja merupakan suatu penentu yang terpenting bagi

kedudukan golongan berpendapatan rendah di negara ini. Usaha untuk meningkatkan daya saingan barang tempatan di pasaran antarabangsa tidak seharusnya menguntungkan pihak pemilik firma dan pengguna-pengguna di negara asing sahaja, tetapi ianya harus menguntungkan kaum pekerja di negara ini.

Saya mencadangkan supaya daya pengeluaran tenaga buruh perlu ditingkatkan melalui peningkatan paras teknologi yang digunakan dan kemahiran para pekerja dan bukan hanya berharap kepada upah yang rendah. Kesanggupan para majikan dan kerajaan memperbaiki kedudukan ekonomi kaum pekerja juga cenderung untuk memperbesarkan saiz pasaran dalam negeri dan seterusnya dapat membantu pembangunan perindustrian negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan perancangan kerajaan untuk menggunakan pasaran buruh iaitu pasaran buruh kaum wanita pesara yang telah disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Timbalan Perdana Menteri ketika membentangkan Rancangan Malaysia Ketujuh semalam. Ini adalah satu penghormatan kerajaan terutamanya kepada kaum wanita.

Tuan Yang di-Pertua, petang semalam kita telah diberitahu oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri mengenai agensi pertanian akan dirombak dan menyedari bahawa kemajuan di sektor pertanian di negara ini agak jauh ketinggalan dibandingkan dengan kemajuan di sektor-sektor lain. Sungguhpun terdapat usaha-usaha untuk memulihkannya, kejatuhan besar

harga barangan utama, kenaikan kos pengeluaran dan masalah kekurangan buruh akibat penghijrahan belia desa ke bandar. Ini telah mengakibatkan ramai pengeluar kecil di kawasan desa mengabaikan pengeluaran mereka. Itu sebabnya, sebahagian besar tanah pertanian di negara ini diklasifikasikan sebagai tanah terbiar, malah sebahagian besar daripada buruh di kawasan desa kini terdiri daripada golongan tua yang kurang berpendidikan. Keadaan ini juga menyumbang hakikat bahawa daya pengeluaran di sektor pertanian lembab seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semalam kalau dibandingkan dengan sektor lain.

Saya ingin bertanya kepada kerajaan apakah difikirkan selain daripada merombak atau mengubah Dasar Pertanian Negara, apakah perkara-perkara lain yang perlu diatasi oleh kerajaan untuk menggerakkan sektor pertanian ini supaya lebih maju dan juga berpotensi di masa yang akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu, saya juga ingin menyentuh mengenai apa yang disebut bahawa kaum belia merupakan teras belia yang berdisiplin dan juga bertatasusila di masa yang akan datang. Kita memang mengetahui kaum belia adalah merupakan warisan kepada kita untuk melanjutkan apa yang telah kita lakukan sekarang. Dalam hal itu, pada saya program Rakan Muda yang mengandungi 10 aktiviti yang berbeza, yang bertujuan untuk membentuk generasi yang unggul di samping membanteras gejala-gejala sosial masyarakat yang membabitkan golongan remaja ini,

bagaimanapun pelaksanaan program ini kurang memuaskan terutama di kawasan luar bandar.

Hal ini menyebabkan sebahagian besar golongan remaja yang tinggal di desa ataupun di kampung telah tidak begitu berpeluang mengambil bahagian di dalam apa yang dinamakan 'Rakan Muda' ini. Banyak remaja luar bandar yang ingin merealisasikan matlamat negara ini telah tidak mengambil kesempatan dan sebahagian besarnya ada juga yang menjadi ahli dalam program ini, malangnya beberapa kelemahan yang berlaku menyebabkan ramai remaja luar bandar telah ketinggalan mengikuti program ini. Aktiviti ini didapati banyak terdapat di kawasan-kawasan dalam bandar. Saya mengharapkan supaya penumpuan lebih kepada aktiviti yang telah saya sebutkan tadi berada di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai buruh asing. Pekerja asing bukan lagi satu fenomena baru di Malaysia ini, sehingga kini 1.2 juta orang yang berada dalam negara kita yang menyebabkan faktor utama kemasukan buruh asing ini ke Malaysia ialah kerana pertumbuhan ekonomi negara yang begitu pesat, 8% dalam lapan tahun berturut-turut. Kedatangan mereka untuk mengisi keperluan sektor ekonomi seperti pembinaan, pertanian, perladangan, perkilangan dan perkhidmatan.

Tetapi kita perlu sedar dengan kehadiran mereka ini, ia juga boleh membawa implikasi negatif kepada persoalan-persoalan seperti ekonomi, sosial dan politik. Kehadiran pekerja-pekerja asing juga telah meningkatkan lagi pertambahan kepadatan penduduk dalam negara ini. Kesannya ia boleh

memberi persaingan kepada penduduk tempatan. Dengan ini meningkatkan lagi harga rumah, sewa rumah dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing yang terlalu ramai boleh memberi kesan sosial yang mana kesan sosial ini kepada penduduk tempatan. Selalu kedengaran buruh asing atau pendatang tanpa izin melakukan jenayah, merompak, pecah rumah, mencuri, rogol ataupun menyeludup, pelacuran dan sebagainya.

Jika ini berleluasa, ia juga sudah tentu akan menimbulkan konflik sosial yang serius yang boleh mengancam keselamatan negara. Apakah kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu undang-undang yang benar-benar efektif untuk mengawal buruh-buruh asing dan merekodkan mereka dengan sempurna?

Yang paling dikesali terdapat juga buruh asing yang telah pun menyamai penduduk tempatan bahkan lebih daripada itu, kedapatan dalam akhbar mereka telah pun membina rumah-rumah mewah dan sebagainya. Saya mencadangkan supaya dalam pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh nanti masalah-masalah mengenai buruh-buruh asing ini hendaklah ditangani dengan berkesan dan penuh tanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, itulah beberapa perkara yang dapat saya sebutkan di majlis ini untuk membahas Rancangan Malaysia Ketujuh. Sekian, terima kasih .

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Tan Swee Hueng

5.31 ptg.

Tuan Tan Swee Hueng: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad dan kerajaan Barisan Nasional di atas pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang rakyat Malaysia saya berasa bangga atas pelancaran satu lagi rancangan lima tahun untuk keseluruhannya. Rancangan Malaysia Ketujuh meliputi Fasa 2 Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua bagi tempoh 1996 hingga tahun 2000 yang merupakan rancangan yang bertujuan membawa negara memasuki era abad yang ke-21 dengan berjaya dan kukuh. Pada pendapat saya dalam rancangan ini, kerajaan menekankan usaha-usaha mengurangkan inflasi yang di bimbangkan, meningkatkan produktiviti untuk menyediakan Malaysia lebih competitive, dengan izin, dengan negara lain. Kerajaan juga akan mengambil berat dalam bidang R&D dan perkembangan teknologi maklumat. Kerajaan pasti juga berusaha mengatasi masalah kekurangan buruh. Dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan akan mempertingkatkan kualiti hidup rakyat dari segi menaikkan taraf kesihatan, perumahan, pendidikan dengan menyediakan peruntukan sebanyak RM162.5 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap saya dapat sentuh sedikit masalah kemiskinan di negara ini. Kerajaan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan daripada 49% pada tahun 1970 hingga 8.9% pada tahun 1995. Ini

mencerminkan kecekapan dan kejujuran kerajaan Barisan Nasional dalam usaha pentadbiran negara. Pencapaian negara kita dalam mengurangkan kemiskinan dan menyamaratakan pendapatan telah pun diakui oleh negara sedunia khasnya Asian.

Tuan Yang di-Pertua, di kawasan luar bandar golongan miskin mendapat manfaat daripada pelaksanaan pelbagai projek kerajaan seperti projek pembangunan pertanian bersepadu, penyediaan infrastruktur pertanian dan skim tanam semula. Di dalam kawasan luar bandar, kadar kemiskinan rakyat Malaysia berkurangan daripada 21.1% pada tahun 1990 kepada 15.3% pada tahun 1995 dan bilangan isi rumah miskin dikurangkan sebanyak 42% daripada 492,500 kepada 285,600 orang. Akan tetapi bagi kawasan bandar walaupun kadar kemiskinan berkurangan daripada 7.1% kepada 3.7%, bilangan isi rumah miskin telah meningkat daripada kira-kira 82,000 kepada 84,600 orang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sentuh masalah mengenai kadar kemiskinan di bandar. Walaupun kemiskinan di bandar telah turun daripada 7.1% pada tahun 1990 kepada 3.7% pada tahun 1995, angka ini tidak membayangkan keadaan yang sebenarnya. Kita telah mengguna garis kemiskinan yang sama untuk dalam bandar dan luar bandar di Semenanjung Malaysia iaitu RM425 sebulan. Memandangkan kos kehidupan di bandar seperti sewa rumah, makanan, bayaran tol pengangkutan dan sebagainya yang lebih tinggi maka kadar kemiskinan tersebut yang dilaporkan mungkin tidak

beberapa benar. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengesyorkan kerajaan mengubah garis kemiskinan yang berlainan untuk kawasan bandar dan luar bandar supaya gambaran yang lebih komprehensif dan benar dapat dilaporkan.

Tuan Yang di-Pertua, sasaran Rancangan Malaysia Ketujuh ialah kadar kemiskinan golongan termiskin akan hampir dibasmikan sepenuhnya dengan mengurangkan kepada 0.5%. Pertumbuhan ekonomi yang pesat terutamanya dalam sektor bukan pertanian, bukan sahaja menyediakan peluang golongan miskin untuk meningkatkan pendapatan mereka akan tetapi seterusnya keluarga mereka daripada kalangan miskin. Kita sedar kerajaan perlu mengambil langkah yang positif untuk menangani peningkatan ketidaksamaan pendapatan kumpulan etnik, pendapatan kumpulan bandar dan luar bandar. Kerajaan perlu juga mengkaji balik definisi bagi tafsiran golongan termiskin di bandar dan luar bandar juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyentuh sedikit mengenai perumahan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khasnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kerana bukan sahaja telah memenuhi sasaran perumahan malah telah melebihi daripada apa yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Keenam. Dalam Rancangan Malaysia Keenam sasaran bagi kerajaan untuk membina rumah ialah sebanyak 573,000 unit. Bagaimana pun pencapaian keseluruhannya adalah sangat menggalakkan apabila 647,460 unit rumah telah dibina.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menegaskan di sini bahawa walaupun pencapaian pada keseluruhannya adalah menggalakkan tetapi prestasi dalam pembinaan rumah kos rendah terutamanya oleh sektor awam tidak begitu menggalakkan. Dari jumlah 126,800 unit rumah kos rendah yang rendah telah disasarkan, hanya sebanyak 46,497 unit atau 36% sahaja yang disediakan oleh sektor awam, manakala dalam tempoh yang sama sektor swasta telah berjaya membina sebanyak 214,889 unit rumah kos rendah atau mencapai 98% dari jumlah 217,000 yang ditetapkan.

Dari statistik ini menunjukkan bahawa sektor swasta benar-benar memberi sokongan kepada dasar dan seruan kerajaan.

Di sini saya ingin menyeru kepada kerajaan khasnya kerajaan negeri supaya dapat memberi insentif kepada pihak pemaju swasta untuk turut membantu memajukan industri perumahan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, kerajaan telah mencadangkan untuk membina sebanyak 800,000 unit rumah. Dari segi pecahan jenis rumah yang disediakan di bawah kos rendah, sederhana rendah didapati tempat utama dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini iaitu kira-kira 350,000 unit atau sebanyak 43.8% daripada jumlah sasaran. Diikuti dengan rumah kos rendah sebanyak 235,000 unit atau sebanyak 29.4%, manakala rumah kos sederhana adalah sebanyak 130,000 unit atau 16.3% dengan bakinya sebanyak 85,000 unit atau 10% adalah untuk rumah kos tinggi.

Jika kita lihat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa kerajaan masih mengambil berat bagi golongan yang berpendapatan rendah terutamanya bagi mereka yang berpendapatan bulanan kurang daripada RM1,500, di mana di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh kerajaan akan terus memberi pendekatan dalam pembinaan rumah kos rendah, iaitu sebanyak 29.4% dan rumah kos sederhana sebanyak 43.8%. Jumlah untuk kedua-dua jenis sahaja (kos rendah dan sederhana rendah) yang meliputi sebanyak 73.2% dari jumlah kategori. Dengan ini saya harap kerajaan negeri memberi sokongan kepada pihak swasta terhadap pencapaian sasaran ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan oleh kerana pencapaian sektor awam dalam pembinaan rumah kos rendah tidak begitu memuaskan dalam Rancangan Malaysia Keenam, maka kerajaan akan menggalakkan lebih banyak pemaju-pemaju perumahan swasta untuk melibatkan diri dalam pembinaan rumah kos rendah dan sederhana rendah. Saya rasa langkah Kerajaan Pusat ini adalah satu langkah yang bijak dan positif kepada sektor awam khususnya kepada kerajaan negeri. Janganlah menganggap ini sebagai kegagalan, tetapi sebagai satu cabaran dan kerajaan negeri boleh mengubah cara, misalnya mengadakan program usaha sama dengan pemaju swasta untuk membina rumah di negeri masing-masing. Langkah ini bukan sahaja membolehkan sektor awam turut melibatkan diri dalam pembinaan rumah, tetapi juga dapat mengawal selia aktiviti perumahan, sebaliknya langkah ini boleh

menggalakkan pembukaan kawasan baru perumahan dan melibatkan pihak swasta bersama untuk memajukan sektor perumahan negara.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun kerajaan telah berusaha untuk membina lebih banyak rumah pada masa akan datang, tetapi kerajaan mesti mengambil langkah-langkah yang tertentu bagi menggalakkan penglibatan pihak swasta dan pada masa yang sama juga hendaklah memastikan rumah yang dibina itu diagih atau diberikan kepada mereka yang benar-benar memerlukan dan layak. Dengan itu saya mengesyorkan supaya kerajaan mengambil langkah yang ketat semasa melaksanakan sistem pendaftaran terbuka.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan sistem pendaftaran terbuka adalah bagi memastikan penjualan dan pengagihan rumah kos rendah dan sederhana rendah dinikmati oleh golongan yang disasarkan.

Sistem pendaftaran terbuka bagi memilih pembeli perlu digunakan oleh sektor awam, swasta dan kriteria-kriteria serta kelayakan pembeli yang seragam hendaklah ditetapkan. Langkah baik ini harus diamalkan oleh semua kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dengan kadar yang secepat mungkin agar mereka yang benar-benar memerlukan rumah menikmati kebaikan ini sekaligus menangani masalah spekulasi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu dan menggalakkan mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah iaitu pendapatan bulanan di antara RM500-RM1,500 memiliki rumah sendiri. Saya bercadang supaya rumah-

rumah kos rendah dan sederhana rendah yang dibina berharga di bawah RM60,000 mendapat kemudahan pinjaman dengan faedah tidak melebihi 9% dari bank-bank dan institusi kewangan seperti yang ditetapkan oleh Bank Negara. Langkah-langkah ini perlu, Tuan Yang di-Pertua, kerana faedah yang tinggi akan menyusahkan mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Tuan Yang di-Pertua, rumah kos rendah dan sederhana merupakan program baru pada harga yang lebih menguntungkan jika berbanding dengan rumah kos rendah dan sektor swasta dijangka dapat menyediakan rumah-rumah sedemikian dengan mudah, dengan bantuan minimum dari kerajaan.

Dengan ini saya bercadang dan mengesyorkan supaya insentif dan kemudahan yang telah diberikan di bawah program rumah kos rendah boleh dipertimbangkan kepada program-program rumah kos sederhana rendah seperti mengurangkan premium tanah, bayaran ukur, memberi keutamaan semasa mengeluarkan lesen pemaju perumahan, bantuan pinjaman yang kurang dari 2% untuk pemaju swasta dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan melencung sedikit dan akan menyentuh keperluan disiplin dan accountability kalau kita hendak berjaya dalam Rancangan Malaysia Ketujuh. Dalam keadaan di dunia sekarang yang kian maju dan kompleks, aspektasi terus juga meningkat terhadap disiplin dan accountability. Dalam sebuah negara seperti Malaysia yang begini maju, accountability dan disiplin merupakan prinsip yang paling utama di mana sesiapa yang diberi kuasa untuk melaksanakan apa-apa tugas dan tanggungjawab perlu ada disiplin dan accountable pada setiap masa untuk menggunakan sumber yang telah diamalkan dengan cekap dan menghasilkan perkhidmatan yang sudah dijanjikan dan dengan berkesan.

Saya rasa kita pasti belajar dari apa-apa penyelewengan yang terjadi dalam Rancangan Malaysia Keenam, misalnya seperti kerugian Perwaja, Bank Negara, BMF, IWK, Kamunting Holdings dan sebagainya lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita pasti belajar apa yang sudah jadi di dalam Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua, disiplin dan accountability di mana bidang yang mempunyai kuasa politik biar di sektor awam atau swasta, kita dapat mencapai matlamat yang ditetapkan. Ekspektasi rakyat kepada mereka yang menjawat jawat jawatan awam, politik dan swasta mempunyai kewajipan untuk menjalankan kerja dan usaha mereka yang diberi dengan penuh tanggungjawab, accountable terhadap segala kejayaan atau kegagalan yang dihadapi. Mereka berpegang kepada kepentingan rakyat dan negara seluruhnya.

Pencapaian matlamat Rancangan Malaysia Ketujuh, langkah-langkah positif pasti diambil untuk mengukuhkan pengurusan bahawa disiplin dan accountability dapat ditingkatkan. Agenda penting yang mesti dikawal juga ialah pengurusan kewangan yang kita dapat lihat penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak tertentu. Saya harap, kerajaan dapat mengusahakan supaya memperkemaskan pengurusan kewangan khasnya anggota perkhidmatan dan swasta yang diberi amanah. Saya harap, garis panduan yang tetap diadakan dan penjawat yang bertanggungjawab bertindak mengikut garis panduan dan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kepentingan terhadap Rancangan Malaysia Ketujuh pihak swasta juga dikehendaki dalam keadaan kemas dan teratur, accountability dan disiplin. Dengan tujuan yang mulia ini, kerajaan harap akan melonjakkan Malaysia supaya menjadi negara yang maju dan bermaruah menjelang tahun 2020. Kita percaya kita boleh mencapai sasaran ini. Memandangkan apa yang kita telah dalam Rancangan Malaysia Keenam, sudah sampai masanya, Tuan Yang di-Pertua, semua rakyat Malaysia yang taat setia, pihak swasta, pihak awam, NGO bekerjasama untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketujuh. Malaysia boleh.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Berdetik-detik dengar jalan. Saya ingat banyak lagi yang hendak bercakap. Tuan Haji Abu Bakar? Tuan Charern Intachat, sila.

5.55 ptg.

Tuan Charern Intachat: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya untuk membahas Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Rancangan Malaysia Ketujuh ialah satu pelan yang komprehensif yang mengandungi program-program pembangunan yang baru yang bertujuan membawa negara ke abad ke-21 secara berkesan. Saya percaya kita semua rakyat Malaysia menyokong penuh usaha-usaha yang murni ini dan bersama-

sama berganding bahu untuk memastikan kejayaan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Perkara yang penting bagi negara kita ialah keamanan dan perpaduan di kalangan rakyat yang terdiri dari berbagai kaum dan agama. Sehingga ini negara kita telah mencapai kemajuan dengan pembangunan yang pesat ialah hasil dari perpaduan rakyat, keamanan dan kestabilan politik. Hanya di dalam suasana aman dan damai, maka barulah pihak kerajaan boleh melaksanakan dengan jayanya program-program pembangunan yang dirancangkan. Justeru itu, saya sangat-sangat berharap kerajaan akan terus berusaha untuk mempereratkan perpaduan di antara kaum dengan menghapuskan kumpulan-kumpulan fanatik dan mendidikkan anak-anak kita supaya bermesra dan hormat-menghormati antara satu dengan lain.

Rakyat perlu memahami adat resam agama tiap-tiap kaum dan sedar tentang perkara-perkara yang sensitif bagi satu-satu kaum. Agama ialah satu perkara yang sensitif dan menyentuh perasaan emosi sesuatu kaum. Justeru itu, langkah hendaklah diambil oleh kerajaan supaya sentiasa memperingatkan pemimpin-pemimpin kaum supaya tidak membangkitkan isu-isu yang sensitif ini.

Di dalam ucapan-ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau seringkali menekankan bagaimana pentingnya perpaduan di kalangan rakyat, berbanding dengan keadaan negara-negara lain, di mana keadaannya huru-hara

dan tidak ada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi seperti yang dinikmati oleh kita semua. Justeru itu, adalah diharapkan pihak kerajaan melalui Kementerian Pendidikan, Kementerian Penerangan dan Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat merancang program-program ke arah perpaduan yang berkekalan di antara rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, saya seperti juga Ahli Yang Berhormat Tuan Itam Wali dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang mewakili kaum minoriti yang berpendapatan rendah. Kalau dibandingkan dengan kaum-kaum lain kami sangat berharap program-program dan rancangan-rancangan untuk memberi manfaat kepada rakyat dapat disalurkan kepada kaum-kaum minoriti ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tuan Charern, sekejap ya. Ahli-ahli Yang Berhormat, menurut Peraturan 6(3), saya dengan hormatnya menjemput Tuan Ding Seling untuk mempengerusikan Majlis sekali lagi.

[Tuan Ding Seling *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Ding Seling: Tuan Charern, sila teruskan.

Tuan Charern Intachat: Apa yang dibimbangkan ialah pelaksanaan-pelaksanaan program-program dalam rancangan ini tidak sampai ke sasarannya, seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu di mana pekerja-pekerja ladang kaum India masih menderita. Dalam hubungan ini, diharap pihak kerajaan dapat mengambil perhatian kepada golongan

minoriti atau yang miskin selaras dengan konsep pembangunan seimbang supaya semua rakyat dapat menikmati kemajuan yang dicapai oleh negara.

Dalam hubungan ini, satu mekanisme yang berkesan perlu diwujudkan bagi memastikan kaum-kaum minoriti dan miskin ini dapat diserap ke dalam pelbagai program yang akan dilaksanakan. Bagi saya, apa yang penting ialah membantu anak-anak mereka dalam hal pendidikan dari peringkat sekolah rendah hinggalah ke pengajian tinggi. Saya mewakili masyarakat Thai memohon jasa baik kerajaan untuk membuka peluang untuk melanjutkan pelajaran lebih luas kepada pelajar-pelajar Thai. Saya tidak pasti tentang sistem kuota yang dikenakan, tetapi saya ingin menarik perhatian kepada hakikat bahawa masyarakat Thai adalah golongan minoriti, rendah tahap sosio-ekonomi, masih memerlukan bantuan. Oleh itu, sekiranya kumpulan calon-calon pelajar Thai yang memohon masuk ke universiti, diberi pertimbangan sama dengan pribumi Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Dewan ini, rakyat keturunan Thai di Kelantan, Perak, Kedah dan Perlis berpeluang menyertai UMNO, boleh memiliki saham ASN dan ASB dan boleh memiliki tanah rizab Melayu.

Semua kemudahan ini diberi kerana masyarakat Thai masih memerlukan pembelaan sedikit sebanyak sebelum mencapai kedudukan sosio-ekonomi yang lebih baik. Begitu juga dengan pembiayaan MARA, lazimnya permohonan-permohonan dari pelajar-pelajar Thai yang miskin ditolak oleh MARA. Atas

alasan yang sama saya merayu kepada MARA supaya MARA dapat menerima dan menimbang permohonan dari pelajar-pelajar keturunan Thai sejajar dengan pelajar-pelajar pribumi di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, kejayaan melaksanakan program-program pembangunan bergantung kepada pelbagai faktor, di antara perkara yang akan menghalang kejayaannya ialah penyelewengan dan rasuah. Kita tidak boleh berbangga sangat, kerana perkara ini masih berlaku di negara kita. Kerajaan perlu memberi perhatian berat kepada gejala ini. Tindakan yang tegas hendaklah diambil oleh Badan Pencegah Rasuah yang perlu diberi kuasa yang penuh dan bebas mengambil tindakan-tindakan di dalam hal ini. Sejarah telah membuktikan bagaimana rasuah dan penyelewengan telah meruntuhkan banyak kerajaan negara dan tamadun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tumpuan diberi kepada strategi yang berorientasikan eksport dan pertumbuhan industri, maka hasil negara tidak lagi bergantung kepada cukai import, maka sistem percukaian akan berubah corak kerana kerajaan terpaksa mencari hasil untuk membiayai projek-projek pembangunan. Di harap, di dalam memperkenalkan sistem percukaian yang baru kerajaan akan mengambil kira rakyat yang berpendapatan rendah atau miskin supaya mereka ini tidak dibebankan dengan cukai-cukai yang baru atau harga barang-barang keperluan seharian yang tinggi dan seterusnya tidak boleh

menikmati kemajuan dan meningkatkan taraf hidup mereka kerana kos sara hidup yang tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, inilah sahaja perkara-perkara yang saya hendak bangkitkan di dalam perbahasan ini. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih dan saya menyokong Usul yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pembentangan Rancangan Malaysia Ketujuh ini. Sekian.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Datuk Maidom P. Pansai.

6.04 ptg.

Datuk Maidom P. Pansai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dibentang oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tanggal 6hb. Mei, 1996 di Dewan Rakyat dan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada petang tanggal 28hb. Mei, 1996 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap sedikit sahaja, hanya perkara umum, iaitu untuk menyokong penuh kepada kenyataan yang terdapat pada perkara 3, dalam buku ucapan pembentangan rancangan tersebut yang antara lainnya bertujuan menyatakan bahawa “meskipun Rancangan Lima Tahun Negara sudah tidak asing lagi bagi Dewan yang mulia dan bagi semua rakyat

Malaysia keseluruhannya, namun ianya harus dianggap sebagai penting kerana rancangan tersebut sesungguhnya amat penting kepada pembangunan negara.

Dalam sesebuah negara merdeka yang bercorak demokrasi berparlimen seperti negara kita Malaysia, pembentangan rancangan seperti ini adalah amat penting sekali di mana kita - orang-orang yang telah diberikan kepercayaan untuk menjadi ahli Dewan yang mulia ini iaitu satu kuorum tertinggi bagi penggubalan dasar, perancangan dan undang-undang negara, dapat turut mengambil bahagian bagi membincangkan rancangan tersebut sebelumnya ianya diterima menjadi dasar rancangan untuk pelaksanaan pembangunan yang menjadi impian murni seluruh lapisan rakyat negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya rancangan Malaysia Ketujuh ini adalah suatu rancangan yang benar-benar menyeluruh, sebagaimana yang dibuktikannya menerusi rangkuman rangka strategi dan program penyediaan peruntukan untuk pembangunan negara sehinggalah kepada kegiatan usaha dan komitmen ke arah pengwujudan masyarakat yang bersatu padu, adil, progresif, berdaya saing dan berdaya tahan. Saya yakin dan percaya bahawa tidak siapa yang dapat mempertikaikan kebenaran hakikat itu bahawa perpaduan rakyat adalah amat penting sekali kerana tanpa perpaduan sulit bagi kerajaan untuk membuat perancangan pembangunan, apa lagi membuat pelaksanaan meskipun perancangan itu dibuat seindah mungkin dalam dokumen seperti Rancangan Malaysia Ketujuh yang ada di hadapan kita ini.

Bahkan tanpa perpaduan tidaklah keterlaluan saya nyatakan bahawa negara bukan sahaja mundur dan akan mengalami kemerosotan tetapi akan terdedah kepada bahaya kehancuran sepertimana yang dapat kita sama-sama saksikan beberapa kejadian di negara Barat.

Pendek kata perpaduan rakyat adalah amat penting bagi pengwujudan suatu negara yang aman damai serta makmur dan sejahtera kerana dengan adanya ciri-ciri demikian itu akan hanya dapat kita menjamin aspirasi negara kita untuk mencapai taraf negara maju menjelang tahun 2020. Semoga cita-cita murni kerajaan dalam hal ini akan tercapai sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, justeru itu, saya menaruh harapan tinggi agar kerajaan akan menumpukan usaha bagi memastikan pencapaian ke arah pengwujudan suatu masyarakat rakyat Malaysia yang benar-benar bersatu padu. Bila kita bercakap mengenai perpaduan, ianya haruslah melangkaui hal-hal politik kerana dalam negara demokrasi berparlimen seperti yang saya nyatakan awal-awal tadi, tentu sekali kita tidak dapat lari daripada kewujudan perbezaan political ideology, dengan izin, kerana itu pun diperbolehkan oleh undang-undang negara kita. Apa yang penting ialah taat setia kita kepada negara dengan penerimaan prinsip-prinsip Rukun Negara sebagai cara hidup dan perpaduan sebagai masyarakat Malaysia berasaskan kepada persefahaman, semangat persaudaraan dan saling hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain tanpa mengira asal usul keturunan kaum, bangsa, kebudayaan, kepercayaan dan sebagainya. Kita adalah daripada rumpun dan bangsa yang sama iaitu bangsa Malaysia yang bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih daripada tajuk perpaduan kepada lain-lain hal, iaitu pertamanya tentang keadilan yang turut disentuh dalam

Rancangan Malaysia Ketujuh. Keadilan ini adalah suatu yang tidak kurang pentingnya untuk diambil perkiraan dan pertimbangan. Saya rasa tidak perlu menerangkan secara detail atau panjang lebar kerana saya percaya ianya satu prinsip yang menjadi pegangan setiap orang sama ada dalam menempuh hidup ataupun dalam perjuangan hak asasi sebagai individu atau kumpulan dan sebagainya, bahkan jika keadilan tidak wujud, ianya boleh juga membawa kepada gugatan perpaduan yang saya huraikan sebentar tadi.

Dalam konteks ini terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah membuktikan keadilannya terhadap pekerja-pekerja awam ataupun pekerja-pekerja di Jabatan dan agensi kerajaan menerusi pemberian pelarasan gaji yang melibatkan kenaikan gaji bulanan dan pemberian bonus seperti yang sedang dalam proses pelaksanaan sekarang ini.

Saya memang bersetuju dengan pelarasan yang melibatkan pertambahan emolumen bulanan para pekerja berkenaan sebagai penghargaan kepada kegigihan, dedication dan motivation para pekerja berkenaan terhadap tugas dan tanggungjawab demi untuk rakyat dan negara. Dalam hal ini juga, demi untuk keadilan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada para pekerja berkenaan di atas kejayaan untuk memperolehi keistimewaan seperti itu.

Saya menaruh harap agar kenaikan gaji yang diterimanya akan mendorong mereka supaya bekerja lebih gigih, bermotivasi dan dedikasi dalam erti kata yang sebenarnya dan tumpukanlah perhatian untuk memperbaiki

perkhidmatan kepada rakyat kerana wang yang digunakan untuk kenaikan gaji mereka itu adalah daripada rakyat. Janganlah mengamalkan sikap melayan orang awam bergantung kepada keadaan atau bergantung kepada mood dalam sesuatu keadaan kerana menerusi pengalaman saya sendiri pernah berjumpa dengan seorang ketua jabatan dan bila saya tanya kepada PAnya, dia bilang: “Bagus jangan jumpa bos hari ini kerana dia dalam keadaan mood yang tidak bagus”. Jadi, saya bertanya: “Apa mood dia ada pada hari itu?” “What kind of mood does he have?”. Jadi, dia bilang, mungkin dari rumah lagi, bila naik marung-marung. Jadi, biasanya kalau orang jumpa dia dalam keadaan begini semua pun tidak dapat. Jadi, kepada rakyat yang tinggal jauh di pedalaman daripada tempat-tempat terpencil, dia hanya datang dengan menggunakan pendapatan menoreh getah ke pejabat dan secara kebetulan pegawai berkenaan dalam keadaan mood yang tidak bagus, jadi, saya rasa yang menjadi mangsa ialah rakyat biasa.

Satu kejadian lagi iaitu menerusi pengalaman saya sendiri bila saya membawa seorang untuk berjumpa ketua jabatan, saya membawa telefon Atur bimbit dan saya tidak masuk terus ke bilik PA. Saya telefon di luar, saya tanya: “Ada bos di dalam?”, dia bilang: “Boss meeting”. Sesudah itu, saya tunggu di luar lebih kurang satu, dua jam dan kemudian saya telefon balik, dia bilang: “Oh boss meeting sampai petang”. Jadi, di dalam jabatan itu saya ada seorang teman rapat sama-sama sekolah di England dahulu, jadi, dia datang berjumpa

dengan saya, jadi, dia bertanya: “Mahu berjumpa dengan siapa?”, saya bilang: “Mahu jumpa bos, pukul berapa bos habis meeting”? Jadi, dia cakap: “Dia tak meeting, saya baru masuk di biliknya untuk mengambil fail dan dia ada di dalam”. Sesudah itu, saya bawa teman itu, secara kebetulan dia adalah stringer, pemberita sambilan, kemudian saya berjumpa dengan PA, saya bilang: “Tahniah, kerana kau mempunyai degree pembohongan yang tertinggi, mungkin master degree di dalam jurusan pembohongan”. Jadi, dia pucat, dia bilang: “Kenapa?” “Kau kata, boss meeting, tetapi dia ada di dalam”. Jadi, saya pun masuk ke bilik itu dengan perasaan yang geram, darah sudah mendidih, maklumlah kita ada berpenyakit hypertension. Jadi, saya bilang dengan pegawai itu: “Minta maaflah kerana saya masuk tanpa izin dia, kerana tadi dia kata kau ada meeting dan saya menunggu di luar selama dua jam”. Jadi, dia bilang: “Ada kau beritahu kau siapa?” Saya bilang: “Tiada, kerana tidak perlu saya beritahu”. Kalau saya beritahu yang saya ini Senator, tentu sekali dia mungkin bercakap benar, tetapi apa kata kalau orang kampung yang tidak dikenali?

Jadi, seolah-olah terwujud budaya pembohongan di dalam pejabat dan saya nampak bahawa satu qualification ataupun kriteria untuk menjadi PA ialah orang itu pandai berbohong, well trained di dalam pembohongan. Sama ada ini diharuskan di dalam etika perkhidmatan? Saya tidak tahu, saya sendiri pernah menjadi pegawai kerajaan di satu masa dahulu, tetapi saya tahu etika

perkhidmatan ialah 'public come first', tetapi dalam hal ini di sebaliknya, saya minta maaf kerana menyentuh perkara ini, bukanlah semua pegawai kerajaan yang saya maksudkan dan ini berlaku bukan di peringkat pusat, ia berlaku dari masa saya datang iaitu di Sabah tetapi saya anggap perkara itu sama sahaja. Hanya daripada golongan yang kecil. Tetapi apa yang saya harap ialah daripada pertambahan kenaikan-kenaikan gaji menerusi pelarasan ini janganlah dibuat berdasarkan kepada budaya pembohongan, tetapi ianya harus dibuat sebagai ganjaran kepada perkhidmatan yang begitu dedikasi, motivasi dan benar-benar berjiwa untuk menolong masyarakat yang memerlukan pertolongan.

Tuan Yang di-Pertua, bila bercakap tentang keadilan ini, apabila kita melihat bahawa pertambahan gaji para pekerja awam ini memang ada dibuat bukan sahaja sekarang ini malahan waktu saya masuk sebagai pegawai kerajaan pun pernah juga menerima kenaikan gaji ini, menerusi pelarasan gaji dan itu memang tepat pada masa dan kena pada tempatnya kerana kita bergantung kepada pertugasan dan tanggungjawab mereka untuk menjalankan perancangan-perancangan projek yang diperlukan oleh masyarakat dan negara, tetapi kita harus ingat bahawa terdapat beberapa kumpulan masyarakat yang ada di negara kita ini selain daripada kakitangan atau pekerja awam, iaitu para nelayan, para petani, para peladang, kita harus juga mengambil pertimbangan apakah ganjaran yang dapat kita berikan kepada golongan masyarakat ini yang

bekerja sebagai peladang, sebagai nelayan yang tidak dapat dipertikaikan betapa sumbangan mereka kepada kerajaan.

Setiap kali gaji naik, memang melibatkan kenaikan harga barang-barang kerana para peniaga selalu sahaja mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang-barang, walaupun ianya dikawal pesat oleh kerajaan tetapi saya nampak begitu sulit sekali menjalankan penguatkuasaan dalam pengawalan kenaikan harga-harga barang oleh pihak yang mengambil peluang daripada kenaikan gaji kakitangan awam ini.

Memang benar bahawa mereka diberikan subsidi seperti tanaman padi, raduan pembajaan tetapi saya tidak tahu di sini, yang saya tahu di negeri Sabah ada saya terdengar sejenis bantuan yang diberikan kepada nelayan-nelayan kecil, selalunya mereka hanya datang kepada ADUN atau Ahli Parlimen untuk memohon peruntukan Parlimen. Sewaktu saya masih lagi berkhidmat sebagai Ahli Parlimen dahulu, saya banyak menggunakan peruntukan saya untuk bantuan-bantuan yang diperlukan oleh nelayan-nelayan kecil ini. Kalaulah peladang ini mendapat subsidi untuk menanam padi, raduan, pembajaan dan bagi padi bukit dapat baja ataupun subsidi penugalan, tetapi saya tidak begitu pasti apa jenis subsidi yang diberikan untuk para nelayan kecil dan setiap pembahagian yang diadakan, kumpulan inilah yang selalu mengemukakan rintihan-rintihan dan mohon pertimbangan yang sama agar mereka akan dapat diberikan bantuan dan subsidi yang sama seperti yang dapat diperolehi oleh lain-lain masyarakat.

Jadi, saya fikir, tiba masanya untuk kita mengkajikan supaya para nelayan dan juga lain-lain masyarakat yang tidak tergolong sebagai pekerja awam supaya mereka tidak terlalu merasa bebanan dengan ketidakseimbangan

dan ketidakadilan yang terwujud di kalangan beberapa kumpulan masyarakat yang saya maksudkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kini saya beralih kepada penjagaan alam sekeliling. Tahniah diucapkan kepada keprihatinan kerajaan untuk pengwujudan alam sekeliling yang bersih dan mesra. Baru-baru ini saya terbaca satu laporan daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar bahawa salah satu sungai ada yang di negeri Sabah iaitu Sungai Kedamaian adalah salah satu sungai yang masih dianggap sebagai tidak tercemar.

Sungai ini adalah berpunca daripada Gunung Kinabalu yang mempunyai pantai yang begitu indah, sesuai untuk dibuat sebagai tempat perkelahan atau dengan izin, picnic spot dan batu-batannya mempunyai keindahan tersendiri dan airnya yang senantiasa jernih, sparkling clear water, dengan izin, di mana ia menjadi tarikan kepada pelancong-pelancong sama ada tempatan mahupun luar negeri untuk bermandi-manda dan di situ juga terdapat hidup-hidupan di dalamnya iaitu ikan-ikan air tawar menjadi punca pendapatan yang membekalkan protin dan karbohidrat kepada para pengguna yang ada di sekeliling kawasan itu.

Tetapi baru-baru ini masyarakat di situ begitu terkejut dengan kehadiran syarikat-syarikat pembalok yang telah diberi kelulusan untuk menjalankan kerja pembalakan di kawasan itu iaitu di kawasan Kampung Pedas yang menjadi sebahagian daripada tadahan air daripada Sungai Kedamaian dan kini air itu senantiasa kabur, kejernihan ataupun apa yang saya katakan tadi, clear sparkling water itu telah menjadi sesuatu masalah lewat atau thing of the past.

Begitu juga dengan batu-batunya tidak kelihatan lagi keindahannya kerana ditutup oleh tanah-tanah yang terhakis akibat kerja pembalakan dan ini punca bekalan air atau water catchment area di mana telah digunakan tempat bergantung kehidupan oleh masyarakat di sekeliling itu selama ini telah pun tercemar.

Jadi, dalam kesempatan ini saya merayu kepada Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar di peringkat Persekutuan ini supaya mengambil tindakan untuk menjalankan pemeriksaan dan seterusnya kajian sama ada kerja pembalakan di situ boleh diteruskan ataupun kalaupun boleh diteruskan mungkin kita akan mengenakan beberapa syarat yang harus dipatuhi supaya keadaannya terkawal.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi yang ingin saya bangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini ialah mengemukakan permasalahan mengenai lori-lori besar yang selalunya diletakkan di tepi jalan sama ada untuk pembaikan kerana mengalami kerosakan ataupun untuk berehat. Saya nampak keadaan di Sabah, saya fikir para pemandu lori-lori besar berkenaan bukannya tidak sedar bahaya tetapi tidak ada ruang untuk meletakkan kereta-kereta berhenti sama ada untuk tujuan pembaikan ataupun berehat. Jadi, saya fikir telah tiba masanya bagi kementerian berkenaan untuk membuat satu undang-undang supaya dalam pembinaan jalan raya haruslah menyediakan kawasan untuk meletakkan kereta seperti yang terdapat di negara Barat ada exit di mana

di situ terdapat kalau kita mahu berhenti pun kita mempunyai tempat ruang meletak kereta yang selamat. Jadi, saya fikir telah tiba masanya kita akan memerlukan penyediaan tempat meletak kereta seperti itu.

Seperkara lagi iaitu apabila dalam konteks tindakan pihak polis untuk menjalankan penyiasatan ataupun roadblock kerana mengkaji sama ada road tax masih hidup ataupun tidak, sekurang-kurangnya mereka ada sistem dan bukan seperti pengalaman saya sendiri, saya dari Kudat, di Kudat sana saya telah diminta berhenti dan melihat lesen memandu, kemudian sampai di Kota Marudu, satu lagi stop untuk membuat kajian yang sama, sampai di Kota Belud, sampai di Manggatal, sampai di Likas, sampai di Kota Kinabalu, dalam satu hari itu berapa stop yang dibuat? Jadi, kadang-kadang jalan raya itu kereta queue-up berbatu-batu panjangnya. Jadi, saya fikir saya tidak menentang perkara itu, sebab itu adalah satu keperluan tetapi sekurang-kurangnya ada sistem untuk mengetahui bahawa kereta ini sudah diperiksa dan tidak payah lagi di 'check' balik. Ini menjadi rintihan seluruh lapisan masyarakat bukan sahaja saya, tetapi saya berani bercakap begini kerana saya sendiri mengalami kesulitan itu.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin bercakap tentang satu projek jalan raya, rangkaian jalan raya yang menghubungkan beberapa bandar utama daripada Kota Belud ke Ranau yang dipanggil Kota Belud-Ranau by pass ia juga boleh digunakan daripada Kudat ke Kota Marudu, Kota Marudu ke

Kota Belud dan terus ke Ranau dan Ranau ke Sandakan, Lahad Datu, Tawau, Keningau dan Tambunan. Jalan raya ini digunakan juga oleh pengangkut tembaga daripada Mamut Copper Mine daripada kaki Gunung Kinabalu di Ranau kepada dermaganya di Usukan, Kota Belud. Sehingga sekarang ini sebahagian daripada jalan raya itu belum lagi berturap, bila musim hujan yang menyulitkan sekali sehingga kereta-kereta yang kecil itu tidak dapat dilalui dan pada masa hujan kita berhadapan dengan permasalahan debu sehingga kalau kita punya rambut hitam, kalau kereta tidak ada air-cond dan bila sampai ke hujung kita sudah tua kerana rambut itu sudah berwarna putih. *[Ketawa]* Itu menunjukkan kehebatan debu-debu yang bertaburan setiap kali kereta lalu di situ.

Jadi, baru-baru ini saya difahamkan bahawa ianya telah pun dicadang untuk disenaraikan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh di peringkat negeri Sabah tetapi akhirnya ianya telah ditolak atas sebab bahawa memandangkan kepada rangkaian jalan raya ini yang begitu mustahak kerana menghubungkan beberapa bandar utama, maka ianya akan diambil alih oleh Kerajaan Pusat.

Sebenarnya jalan raya ini adalah State Funded Project, dengan izin dan saya memang amat bersetuju kerana berdasarkan kepada keadaan jalan raya itu, ianya sudah memang logik dan qualified untuk diambil alih oleh Kerajaan Pusat. Jadi adalah menjadi harapan saya di sini agar ianya dapat dirangkumi oleh peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Pusat menerusi kementerian

berkenaan bagi tujuan untuk penurapan jalan raya berkenaan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh yang ada di hadapan kita sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hanya setakat itu sahaja sumbangan dan pandangan yang dapat saya berikan dan saya harap segalanya akan dapat diberikan pertimbangan positif. Dengan itu, di sini saya mohon menyokong. Terima kasih .

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat Puan Hajah Rahaiah binti Baheran
6.29 ptg.

Puan Hajah Rahaiah binti Baheran: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun pertamanya ingin menyertai rakan-rakan Ahli Dewan yang mulia ini untuk menyokong bagi meluluskan dan merestui Rancangan Malaysia Ketujuh yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada hari kelmarin.

Keduanya, saya juga turut berbangga di atas pencapaian negara di dalam pelbagai bidang hasil daripada rancangan-rancangan Malaysia sebelum ini khususnya Rancangan Malaysia Keenam yang baru tamat. Saya mengucapkan tahniah kepada jentera kerajaan yang terlibat dalam pelaksanaan rancangan-rancangan yang lalu kerana kita sedar bahawa perancangan yang baik hanya akan berjaya jika dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab. Oleh itu, bagi menghadapi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini semua rakyat Malaysia pelbagai kaum dan agama harus merasa dibela dan terbela.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketujuh ini merupakan tahap kedua bagi merealisasikan Dasar Pembangunan Nasional supaya negara maju menjelang tahun 2020. Maka, saya menyokong sepenuhnya apa yang telah dibentangkan dan akhirnya saya ingin membuat beberapa cadangan agar dapat diperbaiki dan diperkemaskan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh ini nanti.

Tuan Ding Seling: Yang Berhormat, boleh sambung besok?

Puan Hajah Rahaiah binti Baهران: Terima kasih.

Tuan Ding Seling: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.